


PARLIMEN MALAYSIA



MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEDUABELAS
2009

JAWAPAN-JAWAPAN PERTANYAAN JAWAB
LISAN HARIAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB
DALAM DEWAN RAKYAT DARIPADA
KEMENTERIAN

HARI RABU: 25 FEBRUARI 2009

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB

LISAN YANG TIDAK DAPAT DIJAWAB DIDALAM DEWAN

(SOALAN NO. 10 HINGGA 75)

NOTA: JAWAPAN-JAWAPAN BAGI SOALAN NO. 1 HINGGA 9

[RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL
[SUNGAI PETANI]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1511

Soalan:

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani] minta MENTERI DALAM
NEGERI menyatakan :-**

- (a) berapa ramai pegawai polis berpangkat inspektor akan diambil dalam masa tiga tahun akan datang; dan
- (b) adakah Kerajaan bercadang menaikkan gred inspektor kepada Pegawai Kumpulan A memandangkan kebanyakan dari mereka mempunyai ijazah dari universiti.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sungai Petani yang mengemukakan pertanyaan.

PDRM merancang untuk melaksanakan pengambilan dan pelantikan baru pegawai polis berpangkat Inspektor seramai seribu (1000) orang calon setiap tahun sehingga tahun 2012. Sehubungan dengan itu, bagi tujuan menarik lebih ramai para graduan terutamanya untuk memohon jawatan tersebut, pihak PDRM dan Jabatan Perkhidmatan awam (JPA) sedang mengkaji dan menyelaraskan cadangan pindaan dan perubahan kepada Skim Perkhidmatan PDRM yang baru dimana salah satu pindaan yang akan dilakukan ialah gred bagi jawatan Inspektor Polis akan dinaiktaraf kepada gred jawatan Kumpulan Pengurusan dan Profesional. Oleh yang demikian, kelayakan masuk bagi jawatan Inspektor Polis adalah bermula dengan kelayakan Ijazah Sarjana Muda sehingga Ijazah falsafah Kedoktoran atau PhD.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' HAJI ABD RAHMAN BIN DAHLAN
[KOTA BELUD]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
SOALAN :

Dato' Haji Abd Rahman bin Dahlan [Kota Belud] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah statistik perbandingan di antara pesakit warganegara Malaysia dan bukan warganegara Malaysia yang berdaftar untuk mendapatkan rawatan di klinik atau hospital kerajaan sejak tahun 2005 hingga 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2005, sejumlah 33,378,052 pesakit telah mendapatkan rawatan di 937 fasiliti kesihatan Kerajaan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1.01 peratus atau 337,419 pesakit merupakan bukan warganegara. Pada tahun 2006, jumlah pesakit telah meningkat sebanyak 3.97 peratus kepada 34,703,057 berbanding tahun 2005 di 941 fasiliti kesihatan Kerajaan. Bilangan bukan warganegara telah meningkat kepada 360,123 atau 1.04 peratus. Sebanyak 36,030,059

kedatangan telah direkodkan di 942 fasiliti kesihatan pada tahun 2007. Jumlah ini telah meningkat sebanyak 4.97 peratus berbanding tahun 2006. Daripada jumlah ini juga, sebanyak 397,102 atau 1.09 peratus terdiri daripada pesakit bukan warganegara. Untuk makluman, pihak Kementerian masih dalam proses mengemaskini data jumlah kedatangan pesakit bagi tahun 2008.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

DEWAN RAKYAT

SOALAN : [12]

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff**
[Balik Pulau]

TARIKH : **25 Februari 2009**

SOALAN 70 : **Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff**
[Balik Pulau] minta **MENTERI LUAR**
NEGERI menyatakan pendirian Kerajaan
terhadap pelaksanaan klausa Artikel 14
tentang perlindungan hak asasi manusia di
bawah ASEAN CHARTER.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Saya ingin jelaskan di sini bahawa berasaskan peruntukan Artikel 14 ASEAN Charter, negara-negara anggota ASEAN bersetuju menubuhkan *ASEAN Human Right Body* seperti yang diputuskan dalam Persidangan Menteri-menteri Luar ASEAN di Singapura pada Julai 2008.

1. Berikutan itu satu *high level panel* untuk memperhalusi dan mendraf terma rujukan (*terms of reference*) telah dibentuk dan setakat ini telah bermesyuarat sebanyak lapan kali dijangka akan membentangkan Draf Pertama *TOR* tersebut di Sidang Kemuncak ASEAN di Huahin Thailand pada 27 Februari hingga 1 Mac 2009 ini.
2. Suka saya ingin menegaskan di sini bahawa pendirian Malaysia terhadap pembentukan Badan Hak Asasi Manusia ini adalah positif, tetapi ia haruslah mewakili pendirian bersama dan mencerminkan realiti dan kepelbagaian politik dan sosio budaya negara-negara anggota ASEAN.
3. Ini adalah untuk menjamin ia menjadi satu badan dan institusi yang realistik, boleh diguna pakai dan memiliki kredibiliti.
4. Mungkin ia perlu dilaksanakan secara *incremental* dengan mengambil kira tahap keselesaan (*comfort level*) dan pandangan kolektif anggota ASEAN selain konsisten dan menepati piawaian antarabangsa.

SOALAN NO: 13

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA MOJILIP
BIN BUMBURING @ WILFRED
(TUARAN)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.02.2009

Y.B. Datuk Seri Panglima Mojilip bin Bumburing @ Wilfred (Tuaran) menyatakan berapakah jumlah sebenar yang telah dibelanjakan daripada jumlah RM1 bilion yang telah diluluskan sebagai tambahan untuk Sabah setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sebanyak RM500 juta telah diluluskan di bawah peruntukan tambahan RM1 billion bagi negeri Sabah bagi tahun 2009 yang mana sehingga kini sebanyak RM246.02 juta peruntukan telah disalurkan kepada Pejabat Pembangunan Negeri Sabah (SDO). Peruntukan akan disalurkan kepada agensi pelaksana di negeri yang terlibat seperti JKR Sabah dan Jabatan Air Sabah berdasarkan keperluan dan unjuran perbelanjaan yang dikemukakan dari semasa ke semasa. Dalam perkara ini, sebanyak RM21.50

juta peruntukan telahpun disalurkan kepada JKR Sabah untuk melaksanakan projek-projek jalanraya.

2. Sepanjang Rancangan Malaysia Kesembilan, sebanyak RM2,099,677 telah dibelanjakan bagi melaksanakan projek infrastruktur awam dan asas bagi kawasan-kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri.

NO. 14

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN JEFF OOI CHUAN AUN
[JELUTONG]**

**TARIKH JAWAPAN : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT**

SOALAN : NO. 14

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sejauh mana dana yang terkumpul melebihi RM3 bilion di bawah Universal Service Provision (USP) telah dibiayai setakat ini, dan sila berikan butiran terperinci bagi projek-projek yang dijalankan serta senarai kontraktor terlibat.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Setakat ini, sejumlah RM785.8 juta telah diluluskan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM), selaku pihak yang mengawal selia Dana USP (*Universal Service Provision*), bagi membiayai projek-projek USP berikut: -

- a) Pusat Jalurlebar Komuniti (PJK): Fasa Perintis di 12 lokasi bernilai RM8.75 juta;
- b) Pusat Jalurlebar Komuniti (PJK): Fasa Tambahan di 73 lokasi bernilai RM92.50 juta;
- c) Perpustakaan Jalur Lebar (PJL): Fasa Perintis di 44 lokasi bernilai RM16.79 juta;
- d) Perpustakaan Jalur Lebar (PJL): Fasa Tambahan di 61 lokasi bernilai RM29.26 juta;

- e) Perluasan liputan populasi perkhidmatan selular awam di sepanjang Lebuh raya Timur – Barat: Fasa Perintis di 20 lokasi bernilai RM64.69 juta; dan
- f) Penyediaan Telefoni Asas ke kawasan luar bandar dan pedalaman di 89 daerah USP bernilai RM573.83 juta.

Kontrak diberikan kepada kontraktor-kontraktor yang berjaya melalui proses bidaan. Syarikat-syarikat yang telah dilantik bagi melaksanakan projek-projek di atas ialah TM Berhad, Maxis Mobile Sdn Bhd, Celcom (M) Berhad, Digi Telecommunications Sdn Bhd, TTdotCom Sdn Bhd dan eB Technologies Sdn Bhd.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK HENRY SUM AGONG
(LAWAS)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK HENRY SUM AGONG [LAWAS] minta Menteri Pelajaran menyatakan bilakah pelaksanaan bangunan baru SMK Lawas akan dijalankan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Cadangan pembinaan SMK Lawas, Daerah Lawas telah tersenarai untuk pelaksanaan di dalam Rancangan Malaysia Ke-9. Skop Projek ini terdiri daripada 30 bilik darjah dan lain-lain kemudahan seperti pondok pengawal, dataran perhimpunan, tempat letak kereta berbumbung, kantin dan lain-lain.

Oleh kerana masalah kekangan siling peruntukan Rancangan Malaysia Ke-9 yang dihadapi pada masa ini akibat kenaikan harga bahan binaan, sebahagian daripada projek pembinaan sekolah yang dirancang, termasuk pembinaan sekolah ini, terpaksa di tangguhkan. Peruntukan yang ada hanyalah mencukupi bagi pembinaan projek-projek yang telah komited dari segi kontrak. Cadangan pembinaan SMK Lawas sekolah SMK Lawas akan diberi keutamaan untuk pembinaan di dalam RMKe-10.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK (RASAH)

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.02.2009

Tuan Loke Siew Fook (Rasah) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah kutipan cukai oleh Kerajaan Persekutuan di Negeri Sembilan mengikut pecahan jabatan-jabatan berlainan setiap tahun dari tahun 2004 hingga 2008 dan jumlah peruntukan dari Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sembilan dalam tempoh yang sama.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah kutipan cukai oleh jabatan Kerajaan Persekutuan iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Kastam Di Raja Malaysia (KDRM) di Negeri Sembilan dari tahun 2004 hingga 2008 adalah sebanyak RM5.54 bilion di mana kutipan cukai bagi LHDN adalah sebanyak RM2.32 bilion dan bagi KDRM adalah sebanyak RM3.22 bilion.

2. Jumlah pemberian oleh Kerajaan Persekutuan kepada Negeri Sembilan dari tahun 2004 hingga 2008 adalah sebanyak RM622.99 juta. Jumlah pemberian ini tidak termasuk peruntukan yang disalurkan melalui kementerian dan agensi Persekutuan yang lain:

Disediakan oleh : Md Farishzan Bin Ismail
PC(AH) – (Samb. 3346/019-4640403)

Disemak oleh : Siti Halimah binti Ismail
TKSBC(D) – (Samb. 3337/019-2802526)

Diluluskan oleh : Datuk Aziyah binti Bahauddin
SBC – (Samb. 3330/019-2635252)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TIONG THAI KING
[LANANG]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN PERKEMBANGAN TERKINI PROJEK MENAIK TARAF JALAN UTAMA BAGI JALAN LAPANGAN TERBANG SIBU KE SIMPANG JULAU BERIKUTAN PROSES YANG LAMBAT :-

- (a) BERAPA PERATUS TELAH SIAP; DAN
- (b) BILAKAH AKAN SIAP

JAWAPAN :

JUMLAH KOS UNTUK PROJEK NAIKTARAF JALAN KUCHING / SIBU DARI SIMPANG JULAU KE PERSIMPANGAN LAPANGAN TERBANG SIBU ADALAH SEBANYAK RM210 JUTA YANG TERMASUK HARGA KONTRAK DAN KOS PENGAMBILAN BALIK TANAH. UNTUK MAKLUMAN, PROJEK INI DIBAHAGIKAN KEPADA 2 FASA DENGAN HARGA KONTRAK SEBANYAK RM176.5 JUTA UNTUK FASA 1 DAN RM10.4 JUTA UNTUK FASA 2.

SKOP KERJA BAGI FASA 1 ADALAH UNTUK MENAIKTARAF JALAN SEDIAADA DARI SIMPANG JULAU KE SIMPANG LAPANGAN TERBANG SIBU SEPANJANG 30 KM DARIPADA 2 LORONG KEPADA 4 LORONG. MANAKALA SKOP KERJA BAGI FASA 2 ADALAH UNTUK MENAIKTARAF JALAN TUJU KE

**JAMBATAN BATANG REJANG YANG SEDIAADA
SEPANJANG 5.6 KM DARIPADA 2 LORONG KEPADA 4
LORONG.**

**KEMAJUAN KERJA BAGI FASA 1 SETAKAT JANUARI
2009 PRESTASI PROJEK INI ADALAH 77.19%
BERBANDING 79.90 DAN FASA 1 DIJANGKA SIAP PADA
29 OKTOBER 2009. MANAKALA PEMBINAAN FASA 2
PULA TELAH DISIAPKAN PADA 28 JANUARI 2008.**

SOALAN NO: 18

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD FIRDAUS BIN JAAFAR
[JERAI]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1506

SOALAN :

Tuan Mohd Firdaus Bin Jaafar [Jerai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan berapakah peratus kejadian jenayah sepanjang tempoh 2005 hingga 2008 mengikut kes dan kategori umur di Jerai dan Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Jerai yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi negeri Kedah pada tahun 2005 ialah sebanyak 10,185 kes. Jumlah tersebut meningkat sebanyak 0.35% atau 36 kes pada tahun 2006 menjadikan Jenayah Indeks yang dilaporkan pada tahun tersebut berjumlah 10,221 kes. Pada tahun 2007, sebanyak 13,187 kes Jenayah Indeks dilaporkan di negeri Kedah yang mana menyaksikan peningkatan sebanyak 29.02% atau 2,966 kes berbanding tahun sebelumnya. Manakala bagi tahun 2008, Jenayah Indeks negeri Kedah telah mencatatkan penurunan sebanyak 0.61% atau 80 kes menjadikan jumlah kes yang dilaporkan pada tahun tersebut berjumlah 13,107 kes.

Tuan Yang Dipertua,

Bagi kawasan Jerai, Jenayah Indeks yang dilaporkan bagi tahun 2006 adalah jauh lebih rendah berbanding tahun 2005, iaitu sebanyak 391 kes dilaporkan pada tahun 2006 berbanding 414 kes pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan penurunan sebanyak 5.56% atau 23 kes. Bagi tahun 2007, jumlah kes yang dilaporkan

meningkat sebanyak 32.48% atau 127 kes berbanding tahun sebelumnya, menjadikan Jenayah Indeks yang dilaporkan pada tahun tersebut berjumlah 518 kes. Manakala bagi tahun 2008, Jenayah Indeks yang dilaporkan pada tahun tersebut meningkat kepada 561 kes, iaitu kira-kira 8.3% atau 43 kes lebih tinggi berbanding tahun 2007.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pihak polis tidak dapat membekalkan perangkaan jenayah mengikut pecahan umur bagi kawasan Jerai berikutan ketiadaan data lengkap berhubung perkara tersebut. Walaubagaimana pun, pihak Kementerian mengambil perhatian di atas kelemahan ini dan akan mengambil tindakan agar data berkenaan dapat diwujudkan pada masa hadapan sepertimana yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat Jerai.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN
ZAKARIA [PARIT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 [RABU]

SOALAN :

Y.B. TUAN MOHD NIZAR BIN ZAKARIA [PARIT]
BERTANYAKAN APAKAH KERAJAAN BERCADANG
UNTUK MEMBINA JAMBATAN YANG
MENGHUBUNGAN LAMBOR KANAN DAN LAMBOR
KIRI YANG MERENTASI SUNGAI PERAK BAGI
KEMUDAHAN MASYARAKAT DI ANTARA KEDUA-DUA
KAWASAN SERTA PENDUDUK SEKITAR DI PARLIMEN
PARIT

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, PROJEK INI MERUPAKAN PROJEK KERAJAAN NEGERI DAN ADALAH DI BAWAH BIDANG KUASA NEGERI . SETAKAT INI, PROJEK TERSEBUT TIDAK TERDAPAT DALAM MANA-MANA PROGRAM CADANGAN UNTUK DILAKSANAKAN DALAM RMKe-9. PIHAK JABATAN KERJA RAYA NEGERI PERAK TIDAK MENGEMUKAKAN SEBARANG PERMOHONAN KEPADA KEMENTERIAN KERJA RAYA SUPAYA PROJEK INI DILAKSANAKAN DI BAWAH PERUNTUKAN PERSEKUTUAN.

NW: 20

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH JAWAPAN : 25 FEBRUARI 2009 (KHAMIS)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 20

SOALAN

Tuan Tony Pua Kiam Wee minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada Kementerian akan mengubah status kesulitan perjanjian konsesi penjana tenaga bebas (IPP) seperti apa yang telah dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya. Adakah perjanjian-perjanjian tersebut mempunyai peruntukan yang membolehkan Kerajaan mengeksploitasi konsesi dan apakah terma pampasan yang perlu dibayar mengikut perjanjian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Dokumen Perjanjian Jual Beli Tenaga (PPA) merupakan satu dokumen perjanjian antara dua entiti swasta, iaitu di antara Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan pihak penjana bebas (IPP) yang terbabit. Di bawah perjanjian tersebut, kedua-dua pihak perlu memberikan persetujuan terlebih dahulu sebelum mana-mana kandungan perjanjian tersebut boleh diumumkan. Sekiranya pihak TNB bercadang untuk menamatkan perjanjian PPA tanpa sebab yang kukuh, TNB perlu memberi **pampasan penuh** kepada pihak IPP. Terdapat peruntukan *nationalization*, dengan izin, di dalam perjanjian tersebut, di mana aset IPP akan diambil alih sepenuhnya oleh pihak Kerajaan. Walau bagaimanapun, sekiranya peruntukan ini digunakan tanpa alasan yang munasabah, ianya akan memberikan impak yang negatif ke atas iklim pelaburan di Malaysia. Berhubung jumlah pampasan yang perlu dibayar pula, ia memerlukan rundingan lanjut di antara Kerajaan dengan IPP:

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD
(SIPITANG)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATUK SAPAWI BIN HAJI AHMAD [SIPITANG] minta Menteri Pelajaran menyatakan langkah-langkah yang telah dan akan dilaksanakan oleh Kementerian untuk melaksanakan proses kenaikan pangkat guru-guru siswazah DG41. Ini kerana terdapat rungutan guru-guru berkenaan bahawa mereka tidak mendapat kenaikan pangkat walau ada di kalangan mereka berkhidmat lebih 10 tahun.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) sentiasa berusaha memartabatkan profesion keguruan dengan meningkatkan kualiti guru, kerjaya guru dan kebajikan guru. Matlamat KPM adalah untuk menjadikan profesion keguruan dihormati dan dipandang tinggi sesuai dengan amanah yang dipikul serta menjadi idola kepada murid-murid yang bakal mewarisi generasi masa hadapan.

Justeru, KPM sentiasa memastikan profesionalisme guru-guru sentiasa berada pada tahap memuaskan agar dapat melaksanakan tanggungjawab dengan berkesan. Proses kenaikan pangkat pegawai Gred DG41 dijalankan berdasarkan laluan kenaikan pangkat jawatan hakiki Gred DG44, Guru Cemerlang Gred DG44 secara Khas Untuk Penyandang (KUP), *Time-Based*

Gred DG44 secara KUP, *Time-Based* Gred DG44 bekas PPPLD secara KUP serta Guru Besar bekas PPPLD Gred DG44 secara KUP.

Proses kenaikan pangkat bagi jawatan Gred DG44 hakiki tertakluk kepada kekosongan jawatan dan diperakukan oleh Ketua Jabatan. Proses kenaikan melalui kaedah *Time Based* pula hanya dapat dilaksanakan setelah maklumat-maklumat berikut telah dilengkapkan iaitu;

- i. Maklumat perkhidmatan seperti tarikh lahir, tarikh lantik dan tarikh sah dalam jawatan;
- ii. Tarikh lulus Peperiksaan Penilaian Tahap Kecekapan;
- iii. Markah laporan prestasi selama 3 tahun;
- iv. Laporan Bebas Tindakan Tatatertib;
- v. Laporan Kelulusan Pengisytiharan Harta;
- vi. Laporan Bebas dari senarai peminjam tegar institusi pendidikan; dan
- vii. Laporan Kelulusan Tapisan Badan Pencegah Rasuah (BPR).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, urusan proses kenaikan pangkat ini pada kebiasaannya mengambil masa antara 3 hingga 6 bulan. Walau bagaimanapun Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mengambil inisiatif dan langkah-langkah penambahbaikan bagi mempercepatkan proses urusan kenaikan pangkat seperti berikut:

- i. mempercepatkan permulaan proses bagi urusan kenaikan pangkat secara *time based* setahun lebih awal; dan
- ii. menambah kakitangan untuk memproses urusan kenaikan pangkat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI
(GOMBAK)**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN :

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI (GOMBAK) minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sejauh manakah usaha Kerajaan dalam menangani aktiviti 'Along' yang beroperasi secara haram dan sejauh mana keberkesanan pemantauan yang dibuat. Berapakah jumlah bilangan lesen yang telah dikeluarkan setakat ini.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 31 Disember 2008, bilangan lesen pemberi pinjam wang dikeluarkan adalah berjumlah 3,078. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mengawalselia aktiviti perniagaan pemberi pinjam wang berlesen selaras dengan peruntukan Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400). Tindakan penguatkuasaan ke atas pemberi pinjam wang tanpa lesen atau Ah Long pula adalah dibawah tanggungjawab Polis Diraja Malaysia (PDRM).

KPKT sentiasa membuat pemantauan yang rapi ke atas operasi pemberi pinjam wang berlesen bagi memastikan mereka menjalankan perniagaan berdasarkan kepada peraturan dan undang-undang yang ditetapkan. Pemantauan dibuat adalah melalui maklumbalas atau aduan orang ramai, pemeriksaan ke

atas premis perniagaan dan pemeriksaan berkala ke atas penyata transaksi pemberi pinjam wang berlesen.

Untuk mengatasi dan membentaras kegiatan Ah Long, Kerajaan telah mengujudkan Pasukan Petugas Khas Menangani Pemberi Pinjam Wang Tanpa Lesen yang dipengerusikan oleh Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersil PDRM dan keahliannya terdiri daripada wakil-wakil Jabatan Siasatan Jenayah PDRM dan Bahagian Pemberi Pinjam Wang dan Pemegang Pajak Gadai, KPKT.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari tahun 2005 sehingga Disember 2009, pihak PDRM telah membuka sebanyak 105 kes fail. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 21 individu telah dikenakan tindakan di bawah Akta Kediaman Terhadap, manakala 7 individu dikenakan tindakan di bawah Ordinan Darurat.

Dalam pada itu, KPKT juga merancang untuk mengkaji semula Akta Pemberi Pinjam Wang 1951 (Akta 400) supaya tindakan penguatkuasaan dapat diperkemaskan di samping hukuman yang lebih berat ke atas mereka yang bersabit kesalahan dalam kegiatan Ah Long dapat dikenakan.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Februari 2009

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ISMAIL BIN HAJI MOHAMED SAID
[KUALA KRAU]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
SOALAN :**

Dato' Ismail Bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah-langkah drastik bagi jangka pendek dan panjang untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di dalam negara khususnya di Jabatan Pesakit Luar.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk mengatasi masalah kekurangan doktor di dalam negara khususnya di Jabatan Pesakit Luar, Kementerian telah mengambil beberapa langkah untuk menangani perkara ini antaranya termasuklah:-

a. Langkah Jangka Pendek

- i. melantik Pegawai Perubatan secara kontrak dari kalangan Pegawai-pegawai Perubatan yang telah bersara dan dari Luar Negara;
- ii. mengekalkan tempoh khidmat wajib selama 3 tahun;
- iii. memperkenalkan dan menaikkan elaun dan insentif yang lebih menarik untuk mengelakkan Pegawai Perubatan berhijrah ke sektor swasta;
- iv. memanjangkan waktu perkhidmatan sehingga 9.30 malam di Klinik-klinik Pesakit Luar di hospital dan Klinik-klinik Kesihatan tertentu; dan
- v. Menggalakkan Pegawai-pegawai Perubatan di sektor swasta bertugas di Klinik Kesihatan Kerajaan.

b. Langkah Jangka Panjang

- i. Bekerjasama dengan Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dalam menambah bilangan tempat di Institusi Pengajian Tinggi Awam dan Swasta di dalam negara untuk

menampung bilangan pelajar dalam bidang perubatan yang semakin meningkat;

- ii. Bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar yang cemerlang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang perubatan di dalam dan luar negara; dan
- iii. Bekerjasama dengan Kementerian Sumber Manusia melalui 'Program Menggalakkan Warganegara Malaysia Yang Berkepakaran Yang Bekerja Di Luar Negara Pulang Ke Malaysia' untuk berkhidmat di hospital-hospital Kerajaan dan swasta.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan samada Kerajaan akan memberi pampasan atau wang ehsan kepada mangsa-mangsa banjir dan mereka yang rumahnya telah dilanda banjir di kawasan Kuching dan Sibul pada tahun ini, sepertimana yang diadakan untuk mangsa-mangsa banjir di Johor pada tahun 2006 dan 2007.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kerajaan Persekutuan melalui Kumpulan Wang Amanah Bantuan Bencana Negara (KWABBN) telah menyalurkan bantuan ihsan kepada mereka yang terjejas dengan banjir di Sarawak. Jenis-jenis bantuan ihsan yang telah diluluskan melibatkan:

- a. Keluarga yang berpindah ke pusat pemindahan dengan kadar RM500 sekeluarga;
- b. Keluarga yang tidak berpindah pada kadar RM300 sekeluarga;
- c. Bantuan ihsan rumah musnah pada kadar RM3,000 sekeluarga;
- d. Bantuan ihsan pengurusan kematian pada kadar RM5,000 sekeluarga;
- e. Bantuan ihsan pertanian (tanaman dan ternakan, akuakultur dan padi) – kadar belum ditentukan; dan
- f. Bantuan baikpulih rumah – kadar sebenar, tidak melebihi RM1,500.

Bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tidak boleh ditafsirkan sebagai pampasan tetapi hanyalah merupakan bantuan ihsan.

Walaupun penyampaian bantuan telah dimulakan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri di Kuching dan Miri tetapi bantuan ihsan ini meliputi semua bahagian di Sarawak yang terlibat dengan banjir. Mereka yang layak menerima bantuan perlu disahkan oleh Jawatankuasa Pengurusan dan Bantuan Bencana Negeri Sarawak.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 25

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE

TARIKH: 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD JIDIN BIN SHAFEE [Setiu] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan mengenai kadar pengangguran di kalangan mahasiswa dari tahun 2004 hingga 2008 mengikut pecahan negeri. Sejauh manakah keberkesanan terhadap usaha-usaha Kerajaan bagi menangani masalah tersebut.

PR-1221-L17027

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Sistem Pendaftaran dan Penempatan Pencari Pekerja "*JobsMalaysia*" yang dibangunkan oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM) berupaya merekodkan bilangan pencari kerja termasuk pencari kerja dikalangan siswazah yang berdaftar dengan sistem tersebut.

Jumlah pendaftar dikalangan siswazah dengan *JobsMalaysia* bagi tahun 2004 hingga tahun 2008 adalah seperti berikut :

Negeri	2004	2005	2006	2007	2008
Johor	2903	3529	3597	3354	8915
Kedah	3705	2569	3229	3179	8251
Kelantan	2976	3017	3452	3543	7695
Melaka	1894	1209	1895	1472	3684
N. Sembilan	2538	1394	1761	1914	3959
Pahang	2170	1757	2453	2335	4995
Pulau Pinang	2477	1254	1363	1770	4273
Perak	4719	2621	2909	2637	6958
Perlis	627	355	530	626	1196
Selangor	2725	4802	5463	5436	12309
Terengganu	3349	1722	2877	3332	5626
WP Kuala Lumpur	4323	3701	5860	5398	13829
WP Labuan	828	79	146	109	188
WP Putrajaya	925	1275	1599	1605	4826
Sabah	1754	1551	1739	2431	4895
Sarawak	1351	1444	1595	2438	4511
JUMLAH	39264	37279	40498	41579	96110

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian saya adalah komited untuk membantu pencari kerja termasuk mahasiswa untuk mendapatkan pekerjaan. Di antara langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian saya adalah seperti berikut:

- Melakukan pepadanan pekerjaan melalui *JobsMalaysia* bagi mereka yang berdaftar dengan sistem;

- Memperbanyakkan program Karnival Pekerjaan (*Job Fair*) termasuk di IPTA dan IPTS yang dianjurkan oleh Jabatan Tenaga Kerja dari semasa ke semasa bagi membantu menemukan pencari kerja dan majikan.
- Mengadakan ceramah dan kaunseling kerjaya kepada pencari kerja bagi memberi pendedahan tentang kehendak pasaran pekerjaan semasa di samping panduan bagaimana menghadapi temuduga;
- Mengadakan kerjasama dan dialog dari semasa ke semasa dengan pihak industri dan institusi pengajian/latihan bagi menentukan keperluan sebenar tenaga kerja di sektor perindustrian;
- Melalui Program Penempatan Semula Pekerja yang diberhentikan (*Train and Place*), siswazah yang menganggur juga diberi peluang dan digalakkan untuk menyertai program ini. Kerajaan telah menyalurkan peruntukan RM100 juta termasuk pemberian elaun sara diri sebanyak RM500 sebulan sebagai perbelanjaan minimum kepada siswazah terlibat.

Tuan Yang Di Pertua

Usaha-usaha di atas telah memberi kesan positif dalam meningkatkan penempatan pekerjaan dikalangan siswazah. Melalui JobsMalaysia bilangan siswazah yang berjaya di tempatkan adalah seperti berikut:-

Tahun	Penempatan
2004	3308
2005	1548
2006	3140
2007	4497
2008	4409
Jumlah	16,902

Tuan Yang di Pertua,

Selain daripada JobsMalaysia, Kementerian saya juga melalui Program Karnival Pekerjaan yang diadakan di seluruh negara telah berjaya membantu seramai 23,166 siswazah mendapatkan pekerjaan sejak tahun 2005 hingga 2008 (8,284 tahun 2005, 3,540 tahun 2006, 5,264 tahun 2007 dan 6,078 tahun 2008).

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DR. TAN SENG GIAW

TARIKH: 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Y.B. DR. TAN SENG GIAW [Kepong] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan berapa kadar dan bilangan pengangguran di setiap negeri dan di seluruh negara. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan pengangguran dan membantu para penganggur.

PR-1221-L16974

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Kadar pengangguran di negara ini masih terkawal walaupun sekarang dalam keadaan krisis ekonomi global dan negara masih dapat mengekalkan kadar pengangguran pada tahap 3.1% . Bagi suku tahun ketiga 2008, kadar pengangguran adalah 3.1 %.

Bilangan pengangguran pada Suku Tahun Ketiga 2008 adalah seperti berikut:-

Negeri	Bilangan Penganggur	Kadar (%)
Johor	25,700	1.9
Kedah	26,200	3.7
Kelantan	18,500	3.6

Melaka	2,500	0.8
Negeri Sembilan	13,300	3.3
Pahang	18,400	3.1
Perak	35,300	3.9
Perlis	2,400	2.8
Pulau Pinang	11,100	1.6
Sarawak	43,700	4.5
Selangor (termasuk W.P. Putrajaya)	61,200	2.9
Terengganu	10,900	2.8
WP Kuala Lumpur	14,700	2.1
Sabah dan Labuan	59,700	4.4
Jumlah	343,700	3.1

Tuan Yang Di Pertua,

Bagi makluman Dewan Yang Mulia ini, bukan semua pencari kerja adalah penganggur. Mereka yang bekerja ada yang mencari peluang pekerjaan yang lebih baik untuk mendapatkan pengalaman kerja yang baru bagi meningkatkan kemajuan kerjaya. Dari segi pencarian kerja oleh penganggur, mereka yang berhenti kerja dan yang diberhentikan kerja, Kementerian saya adalah komitted untuk mengambil beberapa langkah dalam menangani masalah pengangguran ini.

Melalui sistem JobsMalaysia para pencari kerja akan dipadankan kelayakannya dengan jawatan kosong yang ditawarkan syarikat yang berdaftar dengan sistem ini. Selain itu, langkah kementerian dengan menubuhkan Jawatankuasa *Tripartite* Pemantauan Pemberhentian Pekerja di peringkat kebangsaan dan negeri juga dapat membantu pencari kerja mendapatkan pekerjaan yang secara langsung dapat mengurangkan masalah pengangguran.

Untuk tujuan ini, KSM telah menubuhkan 80 Bilik Operasi di seluruh negara yang bertujuan seperti berikut:-

- i) Membantu penganggur dan pencari kerja mendapatkan pekerjaan;
- ii) Mendapatkan maklumat terkini mengenai kekosongan jawatan;
- iii) Memantau secara proaktif kekosongan jawatan di sektor awam dan swasta dan seterusnya menguruskan penempatan pekerjaan dengan kerjasama pihak majikan;
- iv) Memantau insiden laporan pemberhentian pekerja yang menyebabkan berlaku pengangguran;
- v) Mengumpul maklumat mengenai pemberhentian kerja tetap, pemberhentian secara sukarela (VSS), pemberhentian sentara (*lay-off*).
- vi) Melakukan lawatan ke syarikat-syarikat yang ingin memberhentikan pekerja dengan membantu majikan terlibat supaya mengambil langkah opsyen selain dari pemberhentian kerana pemberhentian pekerja merupakan alternatif terakhir yang patut dilakukan oleh syarikat.
- vii) majikan disarankan memberhentikan pekerja asing terlebih dahulu sebelum pekerja tempatan diberhentikan sekiranya pemberhentian pekerja tidak dapat dielakkan.

Tuan Yang Di Pertua,

Saya juga ingin memaklumkan bahawa di bawah Pakej Ransangan Ekonomi bagi program latihan semula dan penempatan (*train & place*) pekerja-pekerja yang diberhentikan, **belia dan siswazah menganggur** juga diberi peluang menyertai program ini. Mereka di galakkan memperolehi kemahiran baru yang diperlukan pasaran pekerjaan semasa. Sebanyak RM100 juta telah diperuntukkan yang mana mereka yang menyertai program ini diberi elaun sara diri RM500 sebulan. Pada masa kini, Kementerian telah mengambil tindakan melaksanakan Program Penempatan Pekerjaan (*Train and Place*

Program) dua kali sebulan di seluruh negara dengan menyediakan kemudahan bagi majikan mengadakan temu duga terbuka.

Saya juga amat berharap Ahli-Ahli Yang Berhormat, pihak majikan daripada semua sektor, pertubuhan majikan, kesatuan sekerja turut menyumbangkan idea yang bernas untuk membantu para penganggur dan mengatasi pengangguran.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN (PONTIAN)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN HAJI AHMAD BIN HAJI MASLAN [PONTIAN] minta Menteri Pelajaran menyatakan kaedah dan strategi untuk menjadikan sekolah menengah harian biasa agar ditingkatkan taraf seakan serupa kemudahan sekolah berasrama penuh bagi memenuhi permintaan kelayakan yang semakin ramai selepas peperiksaan UPSR dan PMR untuk tingkatan satu dan empat di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pendidikan berkualiti untuk semua merupakan agenda utama Kementerian Pelajaran Malaysia. Sepanjang tempoh RMKe-9, KPM berhasrat untuk mengembangkan sepenuhnya potensi institusi pendidikan sehingga membolehkan guru dan murid mengangkat nama dan sistem pendidikan negara di mata dunia. KPM juga berhasrat untuk membangunkan sistem pendidikan dengan tujuan melahirkan modal insan yang berupaya untuk bersaing dan menyumbang kepada pembangunan negara.

KPM sedar dan prihatin kepada keperluan mewujudkan sekolah-sekolah khas bagi menampung murid-murid yang mendapat keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PMR, memandangkan ramai murid ini tidak berpeluang untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh (SBP) atau Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Bagi mencapai hasrat tersebut, KPM telah mewujudkan kluster kecemerlangan institusi pendidikan yang

melibatkan semua kategori sekolah termasuk sekolah menengah harian. Sehingga kini, **23 buah sekolah menengah harian** telah dipilih sebagai sekolah kluster kecemerlangan. Semua sekolah dalam kluster kecemerlangan tersebut telah dikenalpasti sebagai sekolah yang cemerlang dalam kelompoknya yang tersendiri, yang berupaya melahirkan murid yang holistik dalam aspek akademik, kokurikulum, sahsiah serta penampilan diri. Sekolah-sekolah ini juga mempunyai bidang kebitaraan (*niche areas*) yang menggambarkan watak sekolah. Pewujudan Sekolah Kluster dalam sistem pendidikan di Malaysia juga bermatlamat membangunkan sekolah yang boleh dicontohi oleh sekolah dalam kelompok yang sama dan sekolah lain di luar kelompok serta menjadi *showcase* di peringkat antarabangsa.

Di samping itu, pembestarian sekolah dalam bidang ICT adalah bermatlamat dalam menaiktaraf sekolah harian setanding dengan sekolah-sekolah bestari yang lain. Semua sekolah dibekalkan dengan kemudahan makmal komputer serta peralatan ICT dengan tujuan merapatkan jurang ICT serta memberi peluang sama rata kepada murid sekolah harian untuk mempelajari dan menggunakan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

KPM juga mengadakan Kelas Rancangan Khas (KRK) sekolah-sekolah terpilih di seluruh negara bagi menempatkan murid-murid cemerlang akademik. Antara objektif KRK adalah untuk realisasikan budaya cemerlang dalam akademik, kokurikulum, kerohanian, keunggulan sahsiah serta ketrampilan kepimpinan secara berfokus.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Dato' Rashid bin Din

[Merbok]

TARIKH : 25 Februari 2009

SOALAN : Dato' Rashid bin Din [Merbok] minta PERDANA MENTERI menyatakan bagaimana Kerajaan Pusat mendapatkan kerjasama dan sumbangan dari Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan walhal arahan kepada Ketua Jabatan agensi Kerajaan Persekutuan dilarang menghadiri mesyuarat rasmi anjuran Kerajaan Negeri seperti di laporkan dalam Berita Harian pada 21 Januari 2009, (juga rujuk jawapan 5 November 2008 soalan 32).

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Kerajaan Persekutuan sentiasa mendapat sokongan dari agensi-agensi Kerajaan Persekutuan dan kakitangan Perkhidmatan Gunasama yang terdapat di setiap negeri di Malaysia. Ketua-ketua jabatan Persekutuan tidak digalakkan untuk menghadiri mana-mana mesyuarat dan program anjuran kerajaan negeri yang tiada kaitan dengan jabatan dan agensi kerajaan pusat . Semua mesyuarat adalah diperingkat kerajaan negeri dan ketua agensi Persekutuan hanya hadir apabila perlu sahaja.

NW: 29

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

Pertanyaan : JAWAPAN LISAN
Daripada : DATO' SERI ONG KA TING (KULAI)
Tarikh : 25.2.2009 (RABU)
No.Soalan : ~~A 26~~

Y.B DATO' SERI ONG KA TING minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan bagi tujuan pertumbuhan ekonomi dan menambah peluang pekerjaan, adakah Kerajaan bercadang untuk meliberalisasikan dasar penyertaan pelabur asing dalam sektor perdagangan pengedaran dengan tidak mengenakan syarat pemilikan ekuiti Bumiputera dan syarat lain yang boleh menghadkan perkembangan sektor perdagangan di Malaysia.

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian mempunyai peraturan mengenai penyertaan asing di dalam sektor perdagangan pengedaran yang dikenali sebagai Garispanduan Penyertaan Asing di dalam Perdagangan Pengedaran.

Selain untuk memastikan pembangunan sektor perdagangan pengedaran yang adil dan teratur, Kementerian juga sentiasa berusaha dengan menggunakan pendekatan liberalisasi secara progresif bagi menggalakkan pelabur asing dan juga tempatan untuk melabur di dalam sektor perdagangan pengedaran. Pada ketika ini, Kementerian sedang meneliti dan mengenalpasti industri-industri di dalam sektor perdagangan pengedaran yang boleh diliberalisasikan.

Bagi syarikat-syarikat yang berkepentingan asing yang tidak dapat menstruktur ekuiti syarikatnya, Kementerian dalam hal ini akan memberikan tempoh lanjutan yang sesuai bagi syarikat-syarikat tersebut untuk memenuhi syarat ekuiti Bumiputera.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN
DARIPADA: DATO' HAJI WAN RAHIM BIN WAN ABDULLAH [KOTA BHARU]
TARIKH: 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Dato' Haji Wan Abd Rahim bin Wan Abdullah [Kota Bharu] minta PERDANA MENTERI menyatakan adakah Kerajaan berhasrat mewujudkan dualisme dalam Pentadbiran Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat

JAWAPAN

Tuan Yang DiPertua,

Kerajaan tidak berhasrat untuk mewujudkan dualisme, Kerajaan hanya mengikut corak atau acuan yang telah lama diamalkan bagi negeri-negeri yang terdahulu di bawah pentadbiran parti pembangkang seperti negeri Kelantan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 25.2.2009
DARIPADA : Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU
KAWASAN : BUKIT KATIL

Y.B. DATUK MD. SIRAT BIN ABU minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan berapakah jumlah keseluruhan eksport dan import negara pada tahun 2008 berbanding tahun 2006 dan 2007. Apakah sebab-sebab berlakunya pengurangan jualan eksport bagi barangan elektronik dan komoditi pada awal tahun 2009. Apakah langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kekurangan tersebut.

JAWAPAN

Eksport Malaysia pada tahun 2008 berjumlah RM663.51 bilion iaitu meningkat sebanyak 9.6 peratus berbanding tahun 2007 dan 12.7 peratus berbanding tahun 2006 (RM605.15 bilion - 2007 dan RM588.97 bilion - 2006).

Import Malaysia bernilai RM521.5 bilion pada tahun 2008, dengan peningkatan sebanyak 3.3 peratus berbanding pada tahun 2007 (RM504.81 bilion) dan peningkatan 8.5 peratus pada tahun 2006 (RM480.77 bilion).

Eksport barangan Elektrik dan Elektronik (E&E) yang menyumbang sebanyak 38.3 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2008, telah mencatatkan pengurangan eksport sebanyak 3.4 peratus dari tahun yang sebelumnya. Pasaran utama eksport E&E, ialah Amerika Syarikat dan Eropah telah mencatatkan penurunan masing-masing sebanyak 19.5 peratus dan 8.8 peratus.

Pengurangan permintaan khususnya di negara-negara maju seperti Amerika Syarikat dan Eropah telah menyebabkan eksport barangan elektronik konsumer seperti komputer dan alatan telekomunikasi menurun pada tahun 2008.

Berasaskan pemantauan MITI, trend industri menunjukkan pembelian barangan E&E khususnya di Negara-negara maju akan berkurangan pada setiap awal tahun selepas sambutan Hari Krismas. Dalam tempoh ini juga, pengilang-pengilang E&E juga akan melaksanakan 'Inventory adjustment' dalam proses pembuatan kerana pengurangan

tempahan pada setiap awal tahun. Ini akan menyumbang kepada aktiviti jualan yang lebih rendah pada awal tahun termasuk juga dijangkakan bagi tahun 2009.

MITI dan agensinya akan terus mempertingkatkan usaha mempromosikan barangan E&E melalui pameran perdagangan, misi perdagangan antarabangsa dan lain-lain program promosi untuk memastikan syarikat Malaysia akan terus meningkatkan eksport ke pasaran global. Sebagai contoh, pameran E&E yang akan disertai dalam tahun 2009 termasuklah "SEMICON China, CeBIT Germany, Cairo ICT dan COMPUTEX Taipei". MATRADE akan juga membawa pembeli dari luar negara untuk menyertai pameran antarabangsa INTRADE 2009.

Eksport komoditi utama pertanian Negara seperti minyak sawit, getah dan kayu-kayan tidak mengalami kemerosotan. Komoditi-komoditi ini menyumbang sebanyak 9.6 peratus kepada jumlah eksport Malaysia pada tahun 2008 dengan jumlah eksport sebanyak RM63.68 billion dan mencatatkan pertambahan sebanyak 33.6 peratus dari tahun sebelumnya.

Minyak sawit masih menjadi komoditi eksport utama Malaysia dan mencatat peningkatan sebanyak 45.6 peratus pada tahun 2008 dengan nilai RM49.69 billion, berbanding tahun 2007. Pasaran utama eksport minyak sawit, iaitu China, Amerika Syarikat dan Pakistan telah mencatatkan peningkatan sebanyak 29 peratus, 85.1 peratus dan 55.9 peratus pada tahun 2008.

Eksport getah juga telah menunjukkan peningkatan iaitu sebanyak 10.6 peratus dengan nilai RM8.11 billion berbanding tahun sebelumnya. Pasaran utama bagi eksport getah ialah China dan Jerman.

Eksport kayu-kayan menunjukkan penurunan sebanyak 5.2 peratus kepada RM5.88 billion pada tahun 2008. Eksport ke negara Jepun, Belanda and China telah mencatat penurunan, manakala terdapat peningkatan eksport ke India.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (TELOK KEMANG)
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN

DATO' KAMARUL BAHARIN BIN ABBAS (Y.B. TELOK KEMANG) minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:

- a) usaha Kerajaan bagi memastikan perkhidmatan pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas supaya benar-benar memberi keselesaan dan manfaat kepada pengguna; dan
- b) mengapa insentif dan bantuan tidak diberikan kepada syarikat-syarikat bas seperti mana yang diberikan kepada syarikat-syarikat kereta api dan penerbangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelbagai langkah telah diambil bagi meningkatkan tahap kualiti pengangkutan awam khususnya perkhidmatan bas supaya memberi keselesaan dan manfaat kepada pengguna. Antaranya melalui:

- i. Meminimumkan persaingan melalui pengawalan bilangan pengusaha, pembekuan laluan, menggalakkan *coach sharing* dan penglibatan syarikat milik Kerajaan difokuskan di laluan sosial.

- ii. Membangunkan modal insan melalui latihan kemahiran untuk melahirkan pemandu yang profesional dan beretika serta menganjurkan kursus-kursus jangka pendek sebagai *refresher* kepada pemandu sedia ada
- iii. Melaksanakan piawaian antarabangsa atau yang bersamaan berhubung keselamatan pembinaan badan bas dan operasi perkhidmatan.
- iv. Mewujudkan pangkalan data pemandu.
- v. Memperkenalkan model semakan kadar tambang yang dinamik dan meliberalisasikan perkhidmatan berbentuk mewah.
- vi. Mewujud dan menyediakan insentif-insentif bagi mengurangkan beban kos operasi melalui pemberian geran, subsidi dan pengurangan cukai.
- vii. Menggalakkan pemodenan perkhidmatan ke arah kecekapan kos operasi seperti pelaksanaan *e-ticketing* dan penggunaan NGV.
- viii. Meningkatkan kesedaran hak-hak pengguna.
- ix. Mewujudkan platform atau halatuju industri yang jelas melalui Dasar Pengangkutan Negara dan kolaborasi dengan pihak Industri bagi menilai polisi-polisi yang hendak dilaksanakan.
- x. Melaksanakan penguatkuasaan secara berterusan dan menekankan aspek *self regulatory* di kalangan pengusaha.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pelbagai insentif dan subsidi kepada pengusaha pengangkutan awam termasuk syarikat-syarikat bas telah diberikan yang meliputi:

- i. Pemberian subsidi harga diesel, petrol dan NGV. Harga diesel ditetapkan pada kadar RM1.43/liter, petrol RM1.92/liter dan NGV 86 sen/liter;
- ii. Pengurangan bayaran tol sehingga 50% bagi semua bas;
- iii. Pengecualian cukai jualan sebanyak 10% ke atas pembelian bas-bas baru mulai 30 Ogos 2008;
- iv. Pengecualian cukai eksais sebanyak 30% ke atas pembelian teksi baru;
- v. Pengurangan cukai jalan kepada hanya RM20 setahun bagi semua bas dan teksi, termasuk kereta sewa pandu dan limosin. Cukai jalan bagi bas berhenti-henti dan bas sekolah pula dikenakan pada kadar RM2;
- vi. Menyediakan kemudahan pinjaman mudah melalui dana pengangkutan awam berjumlah RM3 bilion di bawah Bank Pembangunan Malaysia Berhad untuk membiayai perolehan aset bas dan rel.
- vii. Menyediakan kemudahan pembiayaan RM300 juta yang mudah dan murah di bawah Tabung Pembangunan Pengangkutan Awam (TPPA) bagi membeli bas dan teksi serta peningkatan aksesori bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan; dan

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI
(BATU PAHAT)**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN :

**Y.B. DR. MOHD. PUAD BIN ZARKASHI(BATU PAHAT) minta
MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN**
menyatakan halangan yang melambatkan usaha Kerajaan
Pusat mengambil alih pengurusan sistem pepejal daripada
pihak PBT. Sudahkah dibuat keputusan mengenai teknologi
yang akan diguna pakai.

JAWAPAN :-

Tuan Yang DiPertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang memberi kuasa eksekutif kepada Kerajaan Persekutuan untuk mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah diwartakan pada Ogos 2007. Namun demikian ia masih belum berkuatkuasa dan ini mengakibatkan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) belum lagi dapat mengambil alih pengurusan sisa pepejal daripada pihak PBT.

Kelewatan Akta ini dikuatkuasakan adalah kerana tujuh peraturan yang diperlukan bagi membolehkan Akta berkenaan berkuatkuasa dengan berkesan masih diperingkat terakhir penyediaan. Di samping itu, terdapat beberapa isu teknikal dan perundangan lain yang perlu di selesaikan bagi mengelakkan kesulitan berlaku dalam melaksanakan

tanggungjawab mengurus sisa pepejal di masa hadapan. Namun begitu KPKT percaya semua ini dapat diselesaikan dalam masa terdekat dan pengambilan alih pengurusan sisa pepejal daripada PBT dapat disegerakan dalam tahun ini .

Dari segi teknologi yang akan diguna pakai, KPKT telahpun membuat kajian dan keputusan tentang kemudahan-kemudahan dan teknologi yang akan digunakan. Tapak-tapak pelupusan sedia ada sedang dinaik taraf kepada tapak pelupusan sanitari dan tapak-tapak pelupusan sanitari yang baru juga sedang dibina bagi menampung keperluan kawasan setempat. Di samping itu, lima buah insinerator mini sedang dalam proses pembinaan di kawasan-kawasan pulau dan tanah tinggi. Kemudahan *Material Recovey Facilities (MRF)* juga diberi penekanan untuk dibina di lokasi tertentu yang telah dikenalpasti.

Kementerian Perumahan
dan Kerajaan Tempatan

Februari 2009

SOALAN NO: 34

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SIVARASA A/L K. RASIAH
[SUBANG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1508

SOALAN :

Tuan Sivarasa A/L K. Rasiah [Subang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah sebabnya Ketua Polis Daerah Petaling Jaya bertindak menyuraikan perhimpunan aman pada 4, 11 dan 18 Januari 2009 di dalam kawasan ibu pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya padahal Datuk Bandar Petaling Jaya telah memberi kebenaran untuk mengadakan perhimpunan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Subang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada 4 Januari 2009, 11 Januari 2009 dan 18 Januari 2009 yang lalu, satu perhimpunan haram berhubung isu mansuhkan ISA telah diadakan di Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Perhimpunan tersebut bermula pada jam 7.45 malam dan disertai oleh kira-kira 50 hingga 80 orang. Manakala, perhimpunan pada 18 Januari 2009 tersebut turut dihadiri oleh Raja Petra Kamaruddin.

Tuan Yang Dipertua,

Semua perhimpunan berkenaan didapati tidak mempunyai permit perhimpunan dari pihak polis. Tambahan pula, berdasarkan rekod pihak polis, Datuk Bandar Petaling Jaya tidak pernah mengeluarkan sebarang surat kebenaran berhubung perkara ini. Perhimpunan tersebut juga telah diadakan di tempat awam bertempat di luar Dewan Ibu Pejabat Majlis Bandaraya Petaling Jaya. Pada jam 8.00 malam, pihak polis telah menyuraikan perhimpunan berkenaan atas alasan perhimpunan tersebut tidak mempunyai permit. Dengan itu, pihak Polis telah bertindak sebagaimana yang diperuntukkan di

bawah Seksyen 27 Akta Polis 1967. Di bawah peruntukan tersebut, mana-mana individu yang berniat mengadakan perhimpunan di mana-mana tempat awam hendaklah terlebih dahulu membuat permohonan kepada Ketua Polis Daerah bagi mendapatkan permit perhimpunan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LEE CHEE LEONG
[KAMPAR]

TARIKH JAWAPAN : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 35

SOALAN

Tuan Lee Chee Leong minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan sama ada TNB akan menyemak semula kenaikan tarif elektrik sebanyak 26% yang mula berkuat kuasa pada 1 Julai 2008 demi kebaikan sektor perkilangan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini serentak dengan pertanyaan Y.B. Dato' Razali Bin Haji Ibrahim (Muar) pada 5 Mac 2009 kerana ia menyentuh perkara yang sama.

Untuk Makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Dengan mengambil kira suasana kelembapan ekonomi dunia pada masa ini serta penurunan dalam harga minyak mentah yang telah membawa kepada penurunan harga gas, Kerajaan telah mengumumkan tarif elektrik yang baru pada 11 Februari 2009 dengan penurunan purata tarif elektrik sebanyak 3.7 peratus daripada 32.5 sen/kWj kepada 31.31 sen/kWj berkuat kuasa mulai 1 Mac 2009. Sungguhpun Kerajaan telah memutuskan untuk mengkaji semula tarif elektrik pada 1 Julai 2009 semasa penyelarasan tarif elektrik dibuat pada bulan Julai 2008, Kerajaan bersetuju supaya penurunan tarif elektrik dipercepatkan dan dikuatkuasakan pada 1 Mac 2009, iaitu 4 bulan lebih awal daripada yang dijadualkan. Ini menunjukkan keprihatinan pihak Kerajaan dalam membantu meringankan beban yang ditanggung oleh rakyat termasuklah pihak industri dalam menghadapi keadaan kemelesetan ekonomi pada masa kini.

Melalui kadar tarif elektrik yang baru tersebut, pengguna-pengguna domestik akan mengalami penurunan tarif elektrik secara purata sebanyak 2.54% manakala pengguna-pengguna komersil sebanyak 2.7%.

Bagi pengguna-pengguna industri pula, yang mengalami kesan paling ketara disebabkan krisis ekonomi ini, purata tarif elektrik diturunkan sebanyak 5%. Di samping itu, pengguna-pengguna industri yang layak juga, akan terus menikmati Tarif Khas Industri atau *Special Industrial Tariff* (SIT), dengan izin. Langkah Kerajaan untuk menurunkan tarif elektrik yang dilaksanakan serentak dengan penurunan harga gas kepada sektor industri, akan memberikan kesan yang besar dalam usaha pihak industri untuk menurunkan kos operasi mereka dalam waktu yang sukar ini. Melalui langkah-langkah ini, Kerajaan berharap ia akan dapat membantu meringankan beban sektor industri dalam menghadapi kesan kegawatan ekonomi pada masa kini.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN GWO-BURNE LOH [KELANA JAYA]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (Rabu)

SOALAN :

Tuan Gwo-Burne Loh [Kelana Jaya] minta PERDANA MENTERI menyatakan jumlah peratusan kakitangan Kerajaan yang berstatus kontrak, peratusan yang telah diubah status kepada kakitangan tetap dan peratus kakitangan yang telah ditamatkan kontrak mereka.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang di-Pertua,

Sehingga 20 Februari 2009, jumlah pegawai lantikan kontrak yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam yang mana perjanjian kontrak mereka masih berkuat kuasa adalah sebanyak 39,321. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 342 pegawai (0.9%) telah dilantik tetap dan 828 (2.1%) lagi telah ditamat atau menamatkan perkhidmatan kontrak mereka.

SULIT

SOALAN 37

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SALLEH BIN KALBI (SILAM)

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

**SOALAN : Meminta MENTERI PELANCONGAN
menyatakan**

Apakah pelan lengkap strategi Kementerian Pelancongan untuk membantu Usahawan Bumiputera menceburi bidang perniagaan terutamanya industri budget hotel sehingga mencapai tahap 30% daripada keseluruhan nilai industri itu, yang dijangkakan menjana pendapatan RM30.0billion dalam RMK-9

SULIT

SULIT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pelancongan sememangnya mengalu-alukan dan menggalakan para usahawan tempatan yang mahu terlibat di dalam sektor pelancongan. Ini termasuklah bagi pengusaha yang ingin membangunkan produk-produk pelancongan yang dapat menawarkan kemudahan penginapan seperti resort atau hotel kepada pelancong tempatan dan pelancong asing di Malaysia.

Dalam konteks ini, Kerajaan melalui Kementerian Pelancongan ada menyediakan kemudahan pembiayaan pinjaman Dana Pelancongan iaitu Tabung Khas Pelancongan bagi membantu para pengusaha Bumiputera yang ingin membangunkan atau mengembangkan produk-produk pelancongan seperti premis penginapan pelancongan, perkhidmatan pengangkutan berkaitan pelancongan, tempat-tempat peranginan, kemudahan-kemudahan serta lain-lain projek yang berkaitan pelancongan.

Kementerian Pelancongan telah melancarkan dana Tabung Khas Pelancongan pada tahun 2002 oleh YB Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan dengan peruntukan berjumlah **RM400.0juta**. Pada **23 Mac 2005**, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan tambahan berjumlah **RM300.0juta** dan menjadikan keseluruhan dana berjumlah **RM700.0juta** dengan kadar faedah **3.75%** dan tempoh pembayaran semula di antara **5 hingga 20 tahun**.

SULIT

SULIT

Pada akhir tahun 2005, Kementerian Kewangan telah meluluskan siling peruntukan kepada RM1.2bilion dengan kadar faedah 5.5%. Pada 29 November 2006, Mesyuarat Jemaah Menteri telah meluluskan peruntukan tambahan dan menjadikan siling pinjaman Tabung Khas Pelancongan berjumlah RM3.0bilion.

Sehingga 31 Disember 2008, pihak SME Bank telahpun meluluskan pinjaman berjumlah RM1,719,341,378.22 yang melibatkan sejumlah 331 buah syarikat bertaraf bumiputera di bawah pembiayaan Tabung Khas Pelancongan.

SULIT

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' ZAHRAIN BIN
MOHAMED HASHIM
(BAYAN BARU)**

**TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan hasil jualan peralatan terpakai Angkatan Tentera Malaysia dan syarikat-syarikat yang menguruskan penjualan peralatan tersebut bagi tahun 2007 dan 2008.

SULIT

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Hasil jualan peralatan terpakai Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk tahun 2007 dan 2008 adalah lebih kurang RM3.17 juta. Untuk makluman, penjualan peralatan terpakai ATM diurus oleh Kementerian Pertahanan sendiri, tidak diurus oleh mana-mana syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : Bagi Jawab Lisan

DARIPADA : Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal[Labuan]

TARIKH : 25 Februari 2009 (Rabu)

SOALAN :

Datuk Haji Yusoff bin Haji Mahal [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan atau adakah sebarang keputusan diambil supaya Pelabuhan Merdeka Labuan dan tujuh pelabuhan lain di Wilayah Persekutuan Labuan seperti pelabuhan-pelabuhan lain di negara ini yang mempunyai 'Regulatory Body' atau badan penyelia untuk menyelia dan memantau operasi pelabuhan termasuk tarif pelabuhan kerana Pelabuhan Merdeka Labuan, satu-satunya pelabuhan yang mengendalikan kontainer kargo di Wilayah Persekutuan Labuan tidak mempunyai 'Regulatory Body' seperti di Sabah yang mempunyai Lembaga-lembaga Pelabuhan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, memang telah terdapat satu agensi yang mengawalselia pelabuhan di Wilayah Persekutuan Labuan, khususnya berhubung aspek keselamatan pelabuhan dan perkapalan iaitu Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan dan Laut Cina Selatan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN LIM KIT SIANG
(IPOH TIMUR)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN LIM KIT SIANG [IPOH TIMUR] minta Menteri Pelajaran menyatakan sebab mengapa prestasi pelajar Malaysia jatuh dengan begitu drastik dalam ujian Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2007 untuk pelajar menengah tahun-8 dan langkah-langkah untuk mengatasi kemerosotan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penilaian sebenar terhadap prestasi murid Malaysia dalam kajian Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 2007 seharusnya berdasarkan **skor purata antarabangsa** dan bukannya standard tetap **skor purata TIMSS** seperti yang ditetapkan oleh pihak International Association for the Evaluation of Educational Achievement (IEA) tanpa mengira pencapaian semasa negara-negara yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Skor purata antarabangsa adalah merupakan indikator sebenar prestasi semasa semua negara peserta TIMSS.

Bagi mata pelajaran Matematik, walaupun pencapaian murid Malaysia menunjukkan penurunan iaitu dari kedudukan ke-10 (TIMSS 2003) kepada kedudukan ke-20 (TIMSS 2007), skor purata Malaysia (474) dalam TIMSS 2007

masih melebihi skor purata antarabangsa (450) iaitu perbezaan sebanyak +24 mata. Skor purata pencapaian murid Malaysia juga adalah lebih baik berbanding 28 negara lain, termasuk semua negara Asia Barat, negara-negara Afrika dan Amerika Selatan. Selain daripada itu, pencapaian Malaysia juga adalah lebih baik berbanding 8 negara Eropah seperti Norway, Bulgaria, Israel, Ukraine, Romania, Bosnia & Herzegovina, Turki dan Georgia.

Sementara itu, bagi mata pelajaran Sains pula, *ranking* Malaysia hanya turun satu kedudukan sahaja dari tempat ke-20 (TIMSS 2003) ke kedudukan 21 (TIMSS 2007). Skor purata Malaysia (471) dalam TIMSS 2007 masih melebihi skor purata antarabangsa (466) iaitu perbezaan sebanyak +5 mata. Malah, jika dibandingkan dengan 27 negara lain, skor purata pencapaian pelajar Malaysia adalah lebih baik daripada semua negara Asia Barat (kecuali Jordan), negara-negara Afrika dan Amerika Selatan yang mengambil bahagian dalam kajian ini. Di samping itu, pencapaian Malaysia juga adalah lebih baik berbanding negara Eropah seperti Serbia, Bulgaria, Israel, Romania, Bosnia & Herzegovina, Malta, Turki dan Georgia.

Dalam kalangan negara Asia pula, Malaysia berada pada *ranking* ke-6 dan di tangga ke-2 selepas Singapura di peringkat negara Asean. Bagi mata pelajaran Sains, Malaysia menduduki tempat ke-7 dalam kalangan negara Asia dan tempat ke-2 dalam kalangan negara Asean.

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) masih menganalisis secara terperinci keputusan TIMSS 2007 dan akan mengambil langkah-langkah sewajarnya bagi meningkatkan kualiti kurikulum, *content*, pengajaran dan pembelajaran bagi kedua-dua mata pelajaran Sains dan Matematik. Laporan Kebangsaan TIMSS 2007 akan diumumkan setelah analisis tersebut selesai dilaksanakan.

NO = 41

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK BUNG MOKHTAR BIN RADIN
[KINABATANGAN]**

TARIKH JAWAPAN : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 41

SOALAN

Minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan tentang langkah Kerajaan dalam menghadapi kepesatan pertumbuhan sistem komunikasi mudah alih di negara kita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sistem komunikasi mudah alih di Malaysia berkembang dengan pesatnya sejak sepuluh tahun yang lalu selaras dengan arus pemodenan negara. Dari segi teknologi, sistem komunikasi mudah alih berkembang kepada apa yang dikenali sebagai sistem 2G, 2.5G, 3G dan 3.5G. Perkhidmatan mudah alih lain yang turut diperkenalkan

di negara ini termasuklah perkhidmatan WiMAX, Wireless LAN dan televisyen mudah alih (*mobile TV*).

Kadar penembusan perkhidmatan mudah alih di Malaysia dijangka terus meningkat dari tahun ke tahun. Pelanggan perkhidmatan mudah alih telah meningkat sepuluh kali ganda dalam masa satu dekad daripada hanya 2.7 juta pelanggan pada tahun 1999 kepada 26.1 juta pada penghujung tahun lepas.

Pada suku keempat 2008, kadar penembusan perkhidmatan selular untuk setiap 100 penduduk adalah pada tahap 96.8 dan jumlah pelanggan teknologi jalur lebar tanpa wayar (3G, HSDPA, WiMAX, Wi-Fi dan lain-lain) ialah 410,400 pelanggan. Selaras dengan pasaran Malaysia yang semakin matang, *Business Monitor International* meramalkan pertumbuhan sederhana bagi pasaran mudah alih di Malaysia dengan anggaran sebanyak 27 juta pelanggan pada penghujung tahun 2011 dan penembusan pada kaadar 97%. Bagi pelanggan mudah alih 3G, Malaysia mensasarkan sebanyak lebih daripada 5 juta pelanggan dalam tempoh masa antara 2008 hingga 2012 (*sumber: SKMM Industry Performance Report 2007*).

Kepesatan sistem mudah alih di Malaysia telah membawa kepada pengenalan pelbagai teknologi mudah alih contohnya selular 3G yang berupaya memberi lebih banyak data dan kandungan kepada para pengguna. Teknologi terkini di bawah sistem WiMAX dan televisyen mudah alih juga akan menyumbang kepada kepesatan sistem mudah alih ini.

Arus perkembangan yang pesat ini dipantau dari semasa ke semasa oleh pihak Kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) yang mengawal selia permintaan industri terhadap sumber-sumber seperti spektrum dan penomboran. Selain dari itu, Kerajaan juga mengawal selia kepentingan pengguna seperti perlindungan pengguna, kualiti perkhidmatan dan *spam*. Kerajaan juga memastikan bahawa pengguna luar bandar tidak dipinggirkan dari kepesatan perkhidmatan ini dengan memastikan kawasan liputan sentiasa dipertingkatkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA
(PADANG TERAP)**

TARIKH : 25/02/2009

RUJUKAN : 1509

Soalan:

TUAN MOHD NASIR BIN ZAKARIA (PADANG TERAP) minta **MENTERI DALAM NEGERI** Menyatakan jumlah peruntukan untuk Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), bilangan perjawatan dan bilakah semua perjawatan disasarkan penuh diduduki.

Jawapan:

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Padang Terap yang mengemukakan pertanyaan.

- a) Peruntukan Belanjawan 2009 yang diperuntukkan kepada PDRM adalah sebanyak 4.49 bilion. Dari jumlah itu, peruntukan ini diagih-agihkan kepada tujuh (7) Jabatan PDRM mengikut keperluan semasa setiap Jabatan.
- b) Mengikut Waran Perjawatan Bilangan K41 Tahun 2007 bertarikh 3 April 2007, Jabatan Perkhidmatan Awam telah meluluskan sebanyak 1,503 perjawatan Bahagian Agama dan Kaunseling (BAKA), di mana 20% daripadanya diisi oleh Pegawai Beruniform (Polis) dan selebihnya Pegawai Awam (terdiri daripada Pegawai Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan Pegawai Psikologi Jabatan Perkhidmatan Awam).
- c) Setakat ini, sebanyak 586 kekosongan perjawatan telah diisi. Pengisian seterusnya sedang dalam proses penghantaran Jawatan Kader oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia. Manakala bagi jawatan Pegawai Beruniform (Polis), sedang diisi secara berperingkat-peringkat oleh Bahagian Perkhidmatan/Perjawatan, Jabatan pengurusan dengan sasaran kesemua jawatan dipenuhi sebelum Mei 2009.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI
SHUKRI (BATANG SADONG)**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN :

**Y.B Puan Hajah Nancy Binti Haji Shukri (Batang Sadong) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan apakah strategi yang digunakan oleh
pihak Kementerian untuk sentiasa mengingati tentang pentingnya
peranan yang dimainkan oleh wanita dalam pembangunan negara.**

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Antara strategi yang dilaksanakan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat untuk menghargai dan mengingati peranan dan sumbangan wanita ialah dengan memastikan kepentingan dan kesejahteraan wanita sentiasa dilindungi dan diambil kira dalam dasar-dasar pembangunan. Sebagai contoh, Rancangan Malaysia 5 tahun menyediakan strategi bagi membangunkan wanita dalam pelbagai bidang seperti pekerjaan, pendidikan dan latihan, keusahawanan, kesihatan dan perundangan.

Tuan Yang di-Pertua,

Penghargaan kepada wanita juga diberikan melalui penganjuran Sambutan Hari Wanita di peringkat kebangsaan, negeri mahupun kawasan Parlimen, serta Sidang Kemuncak Wanita. Program tahunan ini diadakan sebagai platform untuk Kerajaan mengucapkan

terima kasih kepada wanita atas sumbangan dan peranan mereka dalam pelbagai bidang. Penyertaan pucuk pimpinan pada sambutan berkenaan menunjukkan komitmen Kerajaan terhadap pembangunan wanita.

Selain itu, bagi mengiktiraf jasa dan bakti yang dicurahkan dalam memajukan negara, Kementerian memberikan sokongan kepada pencalonan penganugerahan Bintang Kebesaran Persekutuan dan Negeri kepada wanita yang banyak memberikan sumbangan terutama kepada mereka yang bergiat aktif dalam kerja-kerja kemasyarakatan.

NO. SOALAN: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN FONG PO KUAN [BATU GAJAH]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah] minta PERDANA MENTERI menyatakan kedudukan dakwat calit kuku yang telah dibeli tetapi gagal digunakan untuk Pilihan Raya Umum ke 12 tersebut. Apakah pendirian terkini Kerajaan tentang cadangan oleh Pengerusi SPR untuk meneliti penggunaannya di pilihan raya akan datang ini.

**JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan tempoh boleh guna dakwat kekal yang dibeli telah pun tamat, maka Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) perlu melupuskannya mengikut prosedur pelupusan yang ditetapkan oleh kerajaan. Berhubung dengan cadangan penambahbaikan proses Pilihan Raya oleh Pengerusi SPR iaitu untuk meneliti semula penggunaan dakwat kekal supaya rancangan penggunaannya dapat diteruskan, ianya masih dalam kajian lanjut oleh SPR. Kerajaan akan mengkaji dan membuat keputusan apabila cadangan itu diterima dari SPR.

Sekian, terima kasih.

SOALAN NO: 45

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN HAJI MOHD NOR BIN OTHMAN
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1512

SOALAN :

Tuan Haji Mohd. Nor Bin Othman [Hulu Terengganu] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah nisbah anggota polis dengan penduduk di serata kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, nisbah pihak polis kepada orang awam setakat bulan Januari tahun 2009 ialah 1:274 (iaitu jumlah keanggotaan PDRM ialah seramai 100,840 orang berbanding jumlah penduduk seramai 27.590 juta orang). Tidak dapat dinafikan di sini bahawa nisbah tersebut adalah masih di bawah standard yang disarankan oleh pihak Interpol iaitu 1:250. Walau bagaimanapun, usaha untuk menambahkan bilangan anggota polis sedang dilakukan sebagai usaha untuk mencapai nisbah anggota polis kepada orang awam mengikut standard Interpol.

Tuan Yang Dipertua,

Memandangkan jumlah atau kepadatan penduduk di sesuatu kawasan adalah tidak sama, maka sudah pasti nisbah anggota polis dengan orang awam mengikut daerah adalah berbeza-beza. Walau bagaimanapun, penugasan anggota-anggota polis adalah dibuat berdasarkan kepada beberapa faktor seperti keluasan kawasan,

kepadatan penduduk dan mengambil keperluan semasa sesuatu kawasan.

PARLIMEN MALAYSIA
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN : Y.B. DR. CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI menyatakan sejauh manakah pemantauan dibuat dalam memastikan keberkesanan pemberian subsidi pertanian termasuk bantuan traktor RM28.50/relong, baja organik dan racun serangga Bassa 50 EC(MOSTOX), racun kulat Fujione 40 EC dan racun tikus Tikumen 1000 keluaran ACM kepada petani dalam usaha menjayakan program peningkatan hasil padi ke arah 10 tan/hektar.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Bagi menentukan keberkesanan pemberian subsidi terutamanya kepada sektor tanaman padi, Kementerian telah menubuhkan tiga (3) Jawatankuasa iaitu :

(a) Jawatankuasa Dasar Subsidi Kepada Industri Padi dan Beras

Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk menentukan dasar-dasar dan peraturan mengenai pemberian subsidi. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian dan dianggotai oleh wakil-wakil daripada pelbagai agensi dan Jabatan di bawah Kementerian termasuk Kementerian Pertanian dan Industri Makanan Sabah dan Kementerian Pemodenan Pertanian Sarawak.

(b) Jawatankuasa Teknikal

Jawatankuasa ini bertanggungjawab membuat penilaian teknikal baja dan input-input pertanian dan selepas pembekalan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah MARDI dan dianggotai oleh wakil-wakil pelbagai agensi dan Jabatan di bawah Kementerian termasuk Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak.

- (c) Jawatankuasa Penyeliaan dan Pelaksanaan Subsidi
Jawatankuasa ini bertanggungjawab memantau dan menyelaraskan pembekalan baja dan input pertanian, menentukan kuantiti dan kualiti mengikut spesifikasi yang ditetapkan dalam perjanjian kontrak, menentukan stok dan penyimpanan baja diurus dengan baik. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) dan dianggotai wakil-wakil daripada pelbagai agensi dan Jabatan di bawah Kementerian termasuk Jabatan Pertanian Sabah dan Sarawak serta Pembekal-pembekal terlibat, Pertubuhan Peladang Kebangsaan (PPK). Jawatankuasa ini bermesyuarat sekurang-kurangnya sebanyak tiga (3) kali setahun bagi membincangkan laporan-laporan dari wilayah-wilayah utara, selatan, Sabah dan Sarawak.

Selain itu, bagi tahun 2008, Kementerian telah mengenakan penalti kepada pembekal-pembekal yang membekal input-input pertanian yang lewat dan tidak mengikut spesifikasi kepada syarikat-syarikat seperti berikut :

- a. Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)
 - i. Denda Lewat : RM15,043,649.60
 - ii. Denda Spesifikasi : RM75,123.19

- b. Syarikat Perintis Pelangi Sdn. Bhd.
 - i. Denda Lewat : RM270,108.04
 - ii. Denda Spesifikasi : RM8,241.93
- c. Syarikat ABH Mega Sdn. Bhd.
 - i. Denda Lewat : RM219,430.48
 - ii. Denda Spesifikasi : RM754,431.88
 - iii. Denda (bentuk palet): RM19,753.30
- d. Syarikat Organigro Sdn. Bhd.
 - i. Denda Lewat : RM681,619.80
 - ii. Denda Spesifikasi : RM4,336,790.08
 - iii. Denda (bentuk palet) :RM68,782.00

Bagi menentukan impak subsidi baja dan input-input pertanian ini, Kementerian melalui Universiti Putra Malaysia (UPM) sedang membuat Kajian Impak dan Keberkesanan Subsidi baja dan Input. Kajian ini akan siap pada bulan September 2009 ini.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI
(KUALA NERUS)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. DATO' MOHD NASIR BIN IBRAHIM FIKRI [KUALA NERUS] minta Menteri Pelajaran menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menyediakan kelas bahasa kedua (Tamil dan Mandarin) di sekolah harian biasa bagi memperkasakan lagi Sekolah Kebangsaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah mula melaksanakan Bahasa Cina dan Bahasa Tamil di Sekolah Kebangsaan sejak tahun 2007 dengan 150 buah Sekolah Kebangsaan menawarkan Bahasa Cina dan 70 buah Sekolah Kebangsaan menawarkan Bahasa Tamil. Sehingga ke penghujung tahun 2008, sebanyak 250 buah Sekolah Kebangsaan menawarkan Bahasa Cina dan 120 Sekolah Kebangsaan menawarkan Bahasa Tamil. Bagi perluasan tahun 2009, sebanyak 100 buah lagi Sekolah Kebangsaan akan menawarkan Bahasa Cina dan 50 buah Sekolah Kebangsaan akan menawarkan Bahasa Tamil.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Tuan Zulkifli bin Noordin
[Kulim Bandar Baru]

TARIKH : 25 Februari 2009

SOALAN : Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baru]
minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-

(a) adakah Kerajaan bercadang mewujudkan satu jawatan Mufti Negara sebagai Ketua Mufti bagi Malaysia dengan kuasa dan bidangkuasa mengatasi mufti-mufti negeri tetapi bertanggungjawab hanya Yang Dipertuan Agong dan Majlis Raja-Raja; dan

(b) bila Kerajaan bercadang menghentikan majlis tafakur dan peringatan di Tugu Negara sebagaimana fatwa yang telah dikeluarkan.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

a. Kerajaan tidak bercadang untuk mewujudkan jawatan Mufti Negara sebagai Ketua Mufti di Malaysia kerana jawatan dan fungsi mufti serta fungsi Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan yang sedang berkuatkuasa sekarang telah memadai dan berjalan dengan baik selaras dengan Jadual Kesembilan, Senarai 11, Senarai Negeri, Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa urusan hal ehwal agama Islam berkaitan dengan orang Islam adalah terletak di bawah bidang kuasa negeri-negeri di mana negeri-negeri berkuasa menentukan hukum syarak di negeri masing-

NO SOALAN: 48

masing. Negeri-negeri juga bertanggungjawab menyelesaikan sesuatu isu atau masalah mengenai hukum syarak yang timbul di negeri masing-masing dengan mengeluarkan fatwa melalui Jawatankuasa Fatwa di negeri masing-masing.

b. Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) selaku Urus Setia kepada Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia telah memaklumkan keputusan dan pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia mengenai hukum bertafakkur yang telah diputuskan dalam Muzakarah kali ke-19 pada 6-7 Oktober 1987 pada pihak-pihak berkuasa yang berkaitan. Walaupun keprihatinan dan penerimaan terhadap keputusan dan pandangan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia tersebut masih belum memuaskan, dari masa ke semasa usaha-usaha untuk memberikan pendidikan fatwa kepada semua agensi Kerajaan dan masyarakat awam mengenai pandangan syarak terhadap amalan bertafakkur di Tugu Peringatan Negara akan terus dilaksanakan. Setakat ini banyak program lain telah dilaksanakan oleh Kerajaan khususnya bagi yang beragama Islam bersempena memperingati Hari Pahlawan seperti Majlis Bacaan Yasin Dan Tahlil peringkat kebangsaan yang turut dihadiri oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong di samping program-program lain bercorak keislaman yang dianjurkan oleh agensi yang berkaitan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : Y.B DATUK ROSNAH BINTI ABDUL
RASHID SHIRLIN (PAPAR)**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN :

**Y.B. Datuk Rosnah binti Abdul Rashid Shirlin (Papar) minta
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT menyatakan:**

- (a) pencapaian program CARI yang sedang dilaksanakan di kawasan Parlimen Papar; dan

- (b) adakah terdapat perbezaan statistik program ini dengan rekod kemiskinan dengan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dan Program E-Kasih, Jabatan Perdana Menteri. Jikalau ada, apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelaraskan rekod-rekod ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Semenjak Projek CARI dilaksanakan pada bulan September 2008 sehingga 13 Februari 2009, sebanyak 73,762 kes telah berjaya dikesan dan daripada jumlah tersebut 30,607 kes telah diluluskan oleh JKM. Bagi Kawasan Parlimen Papar, sebanyak 736 kes telah berjaya dikesan. Dari jumlah tersebut sebanyak 39 kes telah diberi bantuan kewangan iaitu 4 kes Bantuan Kanak-Kanak (BKK) dan 35 kes Bantuan Orang Tua (BOT) manakala sebanyak 697 kes masih dalam siasatan sebelum dipertimbangkan bantuan kebajikan bersesuaian sekiranya layak.

Tuan Yang di-Pertua,

(b) Memang terdapat perbezaan statistik atau maklumat dalam Projek CARI dengan rekod kemiskinan di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW) dan senarai miskin tegar di bawah sistem e-Kasih, Jabatan Perdana Menteri. Perbezaan ini disebabkan sumber dan asas data yang berbeza antara Projek CARI dengan data kemiskinan KKLW dan sistem e-Kasih seperti berikut:

(i) Maklumat atau data di bawah Projek CARI adalah berasaskan **individu atau keluarga miskin atau mereka yang memerlukan bantuan kebajikan**. Mereka termasuklah individu atau keluarga yang berpendapatan di bawah Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) semasa iaitu RM720 bagi Semenanjung Malaysia, RM830 bagi Sarawak dan RM960 bagi Sabah dan Labuan serta pekerja OKU yang berpendapatan tidak melebihi RM1,200 sebulan, layak dipertimbangkan Elaun Pekerja Cacat (EPC) sebanyak RM300 sebulan seorang; manakala

- (ii) Data atau maklumat di bawah sistem e-Kasih adalah **data ketua isi rumah (KIR) miskin dan miskin tegar** yang menggunakan sumber daripada Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat (SPKR) di bawah KKLW bagi kemiskinan luar bandar dan *Urban Poverty Information System* (UPIS) di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi kemiskinan bandar.

Ringkasnya, maklumat dalam sistem e-Kasih adalah maklumat mengenai kemiskinan, manakala maklumat dalam projek CARI adalah berkaitan dengan golongan individu atau keluarga yang memerlukan bantuan kebajikan.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi menyelaraskan statistik ini, KPWKM telah mengambil inisiatif memanjangkan senarai kes-kes miskin tegar dan miskin (iaitu nama dan nombor kad pengenalan penerima) yang diberi bantuan kebajikan di bawah JKM kepada Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri untuk diselaraskan di

bawah sistem e-Kasih. Pada masa yang sama, agensi-agensi lain seperti KKLW, KPKT, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Kesihatan juga menyalurkan maklumat berkenaan penerima bantuan yang diberikan oleh agensi masing-masing agar kesemua data tersebut dapat diselaraskan di bawah satu sistem iaitu e-Kasih.

Selain itu, Kerajaan juga telah mewujudkan satu mekanisme pemantauan pembasmian kemiskinan di peringkat nasional, negeri dan daerah. Di peringkat nasional, satu *Focus Group* mengenai Pembasmian Kemiskinan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dan dianggotai oleh Ketua Setiausaha pelbagai Kementerian dan Ketua Pengarah agensi yang berkaitan telah ditubuhkan. Melalui *Focus Group* ini semua tindakan bagi membasmi kemiskinan, termasuk statistik, dapat diselaraskan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA
(PARIT BUNTAR)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.02.2009

Dr. Mujahid bin Haji Yusof Rawa (Parit Buntar) menyatakan apakah sistem perbankan di Malaysia akan melaksanakan sistem kewangan Islam keseluruhannya kerana kegagalan kewangan kapitalis hari ni membawa kepada krisis kewangan dunia.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan akan sentiasa meneruskan agenda memperkasa dan membangunkan sistem kewangan Islam di Malaysia yang merangkumi sektor perbankan Islam, pasaran modal Islam, industri takaful dan pasaran wang secara Islam.

2. Kerajaan telah melaksanakan pelbagai strategi bagi membina satu sistem kewangan Islam yang komprehensif di negara ini, sekali gus dapat memberi satu pilihan kewangan yang lengkap kepada umat Islam di Malaysia untuk bermuamalah dalam satu sistem kewangan

yang menepati kehendak syarak. Strategi-strategi ini boleh dibahagikan kepada beberapa inisiatif menyeluruh seperti berikut:

- i. **Pelan Induk Sektor Kewangan** - Dalam strategi ini, Kerajaan telah melakarkan hasrat untuk memperkasa sistem kewangan Islam menerusi satu pelan induk yang lengkap dan jelas bagi tempoh 2001-2010. Antara landskap dalam Pelan Induk ini ialah untuk menguasai 20% daripada aset sistem kewangan, mewujudkan kerangka pengawal seliaan, Syariah, perundangan dan urus tadbir yang komprehensif dan menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam tersohor di rantau ini; dan

- ii. **Malaysia sebagai Pusat Kewangan Islam Antarabangsa** - Kejayaan Malaysia membangunkan sistem kewangan Islam di peringkat domestik, menjadi pemangkin kepada strategi seterusnya untuk memperkukuhkan kedudukan Malaysia sebagai peneraju utama dan pusat kewangan Islam di persada antarabangsa. Hasrat ini dilaksanakan menerusi gagasan MIFC (Malaysia International Islamic Financial Centre) yang bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam dengan tumpuan kepada lima bidang utama:-
 - a. sebagai pusat originasi, pengedaran dan perdagangan sukuk;
 - b. sebagai pusat pengurusan dana Islam;
 - c. sebagai pusat perkhidmatan kewangan Islam antarabangsa;

- d. sebagai pusat perniagaan takaful dan takaful semula; dan
- e. sebagai pusat kecemerlangan pendidikan, latihan, khidmat runding dan penyelidikan dalam kewangan Islam.

3. Selain itu, IDB telah menubuhkan Pasukan Petugas Kewangan Islam dan Kestabilan Kewangan Global (*Task Force for Islamic Finance and Global Financial Stability*) yang dianggotai oleh tokoh dan pemikir-pemikir terkemuka dalam bidang ekonomi dan kewangan Islam global bagi menilai arkitektur sistem kewangan global dan sistem kewangan Islam, terutamanya bertujuan mengambil peluang untuk menggunakan kewangan Islam setelah timbulnya kemelut krisis kewangan global.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI BAHARUM BIN MOHAMED
[SEKIJANG]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1513

SOALAN :

Dauk Haji Baharum Bin Mohamed [Sekijang] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah tindakan yang telah dan sedang dilakukan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi menangani gejala pecah rumah yang dilakukan oleh pendatang asing yang menular di kawasan pedalaman.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Sekijang yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, jumlah kes pecah rumah melibatkan pendatang asing di seluruh negara yang dilaporkan bagi tahun 2008 ialah sebanyak 776 kes. Daripada jumlah tersebut, kes pecah rumah siang hari ialah sebanyak 192 kes dan pecah rumah malam hari sebanyak 584 kes. Manakala bagi tahun 2007, jumlah kes pecah rumah melibatkan pendatang asing ialah sebanyak 280 kes dan daripada jumlah tersebut, sebanyak 93 kes merupakan pecah rumah siang hari dan 187 kes adalah pecah rumah malam hari.

Tuan Yang Dipertua,

Pelbagai pendekatan telah diambil oleh Kerajaan bagi menangani isu ini. Strategi ini diambil diseluruh negara tanpa membezakan sama ada kawasan bandar dan luar bandar. Pihak polis telah mengadakan pemantauan dan risikan keselamatan di premis-premis yang dipercayai mempunyai populasi pekerja asing yang besar bagi memantau pergerakan suspek-suspek. Selain itu, melalui jaringan

kerjasama di antara PDRM dan pihak Interpol serta pihak berkuasa di negara-negara jiran, mana-mana pendatang asing yang mempunyai rekod jenayah akan ditapis sebelum dibenarkan masuk dan bekerja di negara ini. Walau bagaimana pun, penumpuan lebih diberikan kepada operasi bersepadu dengan kerjasama Jabatan Imigresen dan RELA untuk menjejak, mengesan dan seterusnya menangkap pendatang asing tanpa izin di negara ini. Tindakan untuk mengambil cap jari dan dimasukkan ke dalam rekod sistem biometrik turut dilaksanakan bagi membolehkan kemasukan kali kedua pendatang asing tanpa izin ke Negara ini dapat dikesan.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT , MALAYSIA**

**DARIPADA : YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ
(SUNGAI SIPUT)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.2.2009

YB. DR. MICHAEL JEYAKUMAR DEVARAJ (SUNGAI SIPUT) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapa jumlah saham yang telah dibeli oleh Valuecap antara Ogos 2008 hingga Disember 2008. Berapakah jumlah saham yang dibeli di pasaran saham dan berapakah yang diberi daripada individu tertentu.

Jawapan

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaburan Valuecap adalah berdasarkan kepada polisi serta garis panduan pelaburan yang telah ditetapkan oleh Lembaga Pengarahnya. Bagi tempoh Ogos 2008 hingga Disember 2008, pelaburan Valuecap dalam sekuriti-sekuriti yang tersenarai di Bursa Malaysia adalah berjumlah RM1.5 bilion. Perlu ditekankan bahawa mandat pelaburan Valuecap tidak melibatkan pembelian saham daripada individu tertentu.

2. Dana yang diuruskan oleh Valuecap dilaburkan berpandukan falsafah pelaburan jangka masa panjang yang sentiasa memastikan pelaburan dibuat secara pruden berasaskan prinsip-prinsip kewangan yang selamat dan berhemah. Valuecap mempunyai Jawatankuasa Pelaburan bebas yang bertanggungjawab untuk meluluskan mandat pelaburan tertentu dan menetapkan garis panduan pelaburan berpandukan prinsip amalan pasaran yang terbaik di samping mengawalselia dengan rapi semua proses dan aktiviti pelaburan syarikat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (PAYA BESAR)
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN

DATO' ABDUL MANAN BIN ISMAIL (Y.B. PAYA BESAR) minta MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI menyatakan adakah dasar serta kaedah yang diguna pakai oleh Kerajaan dalam mengeluarkan lesen pengangkutan awam, akan menjamin mereka benar-benar layak diberikan lesen.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,


Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap permohonan lesen pengangkutan awam perlu disertakan maklumat lengkap berhubung permohonan, kemampuan modal dan kebolehan mengurus serta lain-lain maklumat sebagai mana yang telah ditetapkan. Permohonan-permohonan ini akan diproses oleh urus setia sebelum disemak oleh Jawatankuasa Lembaga seterusnya dipertimbangkan untuk kelulusan oleh Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan (LPKP).

Kementerian menerusi LPKP bersama-sama agensi-agensi penguatkuasa yang lain juga mengadakan pemantauan dan auditan ke atas syarikat-syarikat pengangkutan awam bagi memastikan syarat-syarat lesen yang telah ditetapkan dipatuhi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sepanjang tahun 2008, sebanyak 53 syarikat telah diaudit dan tiga buah syarikat bas ekspres telah digantung kesemua lesen bas yang dimiliki. Sebanyak 5,493 tangkapan telah dilakukan ke atas pelesen yang melibatkan 21 lesen dibatalkan, 107 lesen digantung, 4,859 lesen dikompaun dan 506 lesen diberi amaran.

Mekanisme pra pemprosesan dan pemantauan berterusan di atas adalah bertujuan memastikan hanya pengusaha yang layak dan komited diberikan lesen bagi menjalankan perkhidmatan pengangkutan awam.

Disediakan Oleh :  17/2/2009.
NOR NEKMAN BIN JAIMON
: No.Tel. Pejabat : 03-88805478
: No. H/P : 019-2768803

Disemak Oleh :  17/2/09
DATIN NAIMAH BINTI RAMLI
: No.Tel. Pejabat : 03-88805473
: No. H/P : 012-3250969

Diluluskan Oleh :  18/2/09
ALWI BIN HAJI IBRAHIM

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN WEE CHOO KEONG
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

SOALAN:

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah tindakan yang telah atau akan diambil oleh Jabatan Peguam Negara berdasarkan cadangan Suruhanjaya Diraja yang menyiasat kes Video V K Lingam, memandangkan bahawa siasatan telah dihantar kepada Jabatan Peguam Negara.

JAWAPAN:

Terdapat empat (4) kertas siasatan yang telah dibuka oleh Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia) berhubung dengan kes klip video VK Lingam. Tiga (3) daripada kertas siasatan itu telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara manakala satu (1) lagi kertas siasatan tidak dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara tetapi telah di *NFA (no further action)* oleh Pengarah Bahagian Perundangan dan Pendakwaan di Badan Pencegah Rasuah

kerana tiada keterangan yang mencukupi untuk membuktikan pertuduhan di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1997 (sebelum dimansuhkan).

Daripada tiga (3) kertas siasatan yang telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara, dua (2) daripadanya telah di *NFA* kerana tiada keterangan yang mencukupi manakala satu (1) lagi kertas siasatan telah diarahkan untuk tindakan siasatan lanjut.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : TUAN KHAIRY JAMALUDDIN (REMBAU)
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)
SOALAN : NO.55

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan alasan kukuh mengapa pengurangan kadar caj pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi kepada satu peratus, yang ada awalnya dijangka pada bulan Jun 2008, ditangguhkan dan apakah langkah-langkah yang dilakukan oleh pihak Kementerian bagi mempercepatkan proses ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengurangan caj pembiayaan pendidikan PTPTN daripada tiga peratus kepada satu peratus berkuatkuasa mulai 1 Jun 2008. Penawaran pembiayaan mengikut Konsep Ujrah dan penurunan caj kepada satu peratus bagi penerima biaya baru telah dilaksanakan mulai 22 Disember 2008. Manakala bagi peminjam sedia ada, tawaran akan dibuat secara berperingkat setelah urusan pemindahan data daripada sistem sedia ada kepada sistem baru siap dilakukan.

NO: 56

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : DATO' DR. ZAINAL ABIDIN BIN AHMAD
(HULU SELANGOR)
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)
SOALAN : NO.56

Dato' Dr. Zainal Abidin bin Ahmad [Hulu Selangor] minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pihak Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyalurkan geran pengurusan kepada universiti-univerisiti swasta, terutamanya yang berkaitan dengan aktiviti penyelidikan dan perundingan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa menggalakkan pembudayaan aktiviti penyelidikan di universiti awam mahupun swasta. Pada masa ini, penyelidik IPTA digalakkan menjalankan kerjasama penyelidikan dengan pensyarah di universiti swasta di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) yang disediakan kepada IPTA.

Selain daripada dana FRGS, pensyarah di universiti swasta juga boleh memohon dana penyelidikan seperti Science Fund, Techno Fund dan Inno Fund melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Berdasarkan data yang dikemukakan oleh pihak MOSTI, sebanyak RM12.63 juta peruntukan Science Fund yang melibatkan 899 projek penyelidikan telah diluluskan pada tahun 2006 kepada 11 buah IPTS. Bagi tahun 2007 pula, sebanyak RM15.07 juta telah diluluskan dengan melibatkan 90 projek penyelidikan bagi 11 buah IPTS.

JAWAPAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT
MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH
(PUTATAN)

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

NO. SOALAN : 57

Y.B. DATUK DR. MARCUS MOJIGOH minta **MENTERI PERPADUAN, KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN menyatakan :-**

- (a) tindakan yang telah diambil bagi menangani polarasi kaum di negara ini; dan
- (b) apakah pihak Kerajaan bersedia untuk memberikan badan-badan keagamaan yang boleh memainkan peranan untuk mengeratkan lagi hubungan kaum di negara ini.

JAWAPAN

Tan Sri Yang Dipertua,

Bagi menjawab pertanyaan berhubung tindakan yang telah diambil bagi menangani polarasi kaum di negara ini, mengikut pengertian sebenar 'polarisasi kaum', perkara tersebut tidak berlaku di Negara ini. Masyarakat masih boleh dan selesa berinteraksi sesama mereka samada di tempat kerja, sekolah dan premis-premis perniagaan. Mereka juga masih boleh berkongsi institusi pendidikan, bergaul di majlis-majlis perayaan, menyertai bersama aktiviti-aktiviti sukan, khidmat masyarakat dan sebagainya bersama sebagai satu kelompok masyarakat. Perkara yang berbeza hanyalah apabila mereka menjalankan aktiviti-aktiviti berbentuk peribadi atau aktiviti-aktiviti yang menjurus kepada latarbelakang sosio-budaya seperti aktiviti-aktiviti keagamaan, kepercayaan, perayaan, minat dan lain-lain.

Walaupun demikian, polarisasi kaum itu akan wujud sekiranya tiada usaha-usaha yang diambil ke arah meningkatkan persefahaman budaya, meningkatkan hubungan kaum, menerapkan semangat patriotisme serta menangani isu-isu yang boleh menghalang perhubungan kaum. Dalam hal ini, KPKKW dan agensinya JPNIN sentiasa berusaha meningkat serta memperkukuhkan hubungan kaum melalui pelbagai program dan aktiviti. Mekanisme seperti Kelab Rukun Negara, institusi Rukun Tetangga, Skim Rondaan Sukarela, Tabika Perpaduan, sambutan Majlis Rumah Terbuka Malaysia, telah dijadikan asas ke arah usaha-usaha ini. Di samping itu, kerjasama dengan PDRM ditingkatkan bagi memantau isu-isu yang boleh menyumbang kepada wujudnya polarisasi kaum di Negara ini.

Bagi menjawab pertanyaan berhubung kesediaan pihak Kerajaan untuk memberikan badan-badan keagamaan yang boleh memainkan peranan untuk mengeratkan lagi hubungan kaum di negara ini, Kerajaan sentiasa memberi ruang kepada semua badan dan pertubuhan-pertubuhan agama supaya dapat menyumbang peranan dalam hal tersebut.

Beberapa sesi perjumpaan dan perbincangan telah diadakan di antara JPNIN dengan badan-badan keagamaan seperti ACCIN (Allied Coordinating Committee of Islamic NGO'S), Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), Yayasan Dakwah Islam Malaysia (YADIM), Majlis Perundingan Agama Kristian, Buddha, Hindu, Sikh dan Tao (MCCBCSHT).

Perjumpaan ini adalah bertujuan untuk membincangkan isu-isu yang berkaitan dengan agama masing-masing dan mencari jalan penyelesaian terbaik supaya tidak

timbul. isu-isu yang boleh menjejaskan perhubungan antara agama.

Sehubungan itu, pihak Kementerian menyeru semua pihak agar memainkan peranan dalam hal-hal yang menyentuh soal kesepaduan kaum di Malaysia.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KHALID BIN ABDUL SAMAD
[SHAH ALAM]**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1515

SOALAN :

**Tuan Khalid Bin Abdul Samad [Shah Alam] minta MENTERI
DALAM NEGERI menyatakan sejauh manakah siasatan dan apakah
tindakan terhadap anggota-anggota polis yang disifatkan oleh
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia (SUHAKAM) telah menggunakan
kekerasan yang melampau dalam insiden di Bandar Mahkota Cheras
(BMC) 1 pada 27 Mei tahun lalu.**

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Shah Alam yang mengemukakan pertanyaan.

Tuan Yang Dipertua,

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, sebanyak 3 laporan polis telah dibuat oleh 3 dari 4 orang yang terlibat di dalam kejadian di Bandar Mahkota Cheras 1 pada 27 Mei 2008. Laporan-laporan tersebut telah dibuat oleh Chan Siew Meng, Chang Jiun Haur dan Cheok Kem Hoo. Kertas siasatan tersebut telah diedarkan kepada Jabatan Peguam Negara, Putrajaya melalui Pejabat Ketua Unit Pendakwaan Selangor. Setelah meneliti kertas siasatan berkenaan, Jabatan Peguam Negara pada 29 Januari 2009 telah memutuskan bahawa tiada sebarang pertuduhan dibuat dan kes ini di NFA. Ini kerana kesukaran kesemua pengadu untuk mengecam mana-mana individu yang terlibat dalam kejadian ini. Walau bagaimana pun, pihak Jabatan Peguam Negara telah mencadangkan supaya siasatan tatatertib dilaksanakan untuk mengenal pasti kelemahan yang berlaku bagi mengelakkan kejadian seumpama ini berulang.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
SOALAN : *W 59*

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan:

- (a) usaha-usaha Kerajaan untuk meningkatkan kakitangan Kerajaan bagi golongan bukan Bumiputera sehingga mencapai 30%; dan
- (b) berapakah peratusan kakitangan Kerajaan bagi golongan Bumiputera.

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

- (a) Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA) telah menubuhkan Jawatankuasa Kerja Bagi Mengatasi Masalah Kekurangan Representasi Bukan Melayu pada 17 April 2007. Jawatankuasa tersebut ditubuhkan bertujuan untuk mencari langkah-langkah untuk menggalakkan penyertaan bukan Bumiputera dalam perkhidmatan awam. Pada awal tahun 2008, Suruhanjaya telah memperkukuhkan jawatankuasa ini dengan penyertaan Timbalan Pengerusi SPA, beberapa Ahli Suruhanjaya SPA bukan Melayu dan beberapa pegawai kanan SPA bukan Melayu. Fungsi jawatankuasa ini adalah untuk merancang dan memantau pelaksanaan program dan aktiviti untuk mengatasi masalah kekurangan representasi bukan Bumiputera.

SPA dengan kerjasama Unit Perancang Ekonomi (UPE) dalam proses untuk menjalankan kajian 'Persepsi Kerjaya Dalam Perkhidmatan Awam Di Kalangan Masyarakat Bukan Melayu'. Kajian komprehensif ini akan dijalankan oleh perunding profesional yang akan ditentukan oleh Jawatankuasa yang dibentuk oleh SPA dan UPE. Hasil kajian tersebut diharapkan dapat memberi jawapan kepada punca berlakunya senario kurang penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan dapat mengesyorkan cadangan dan strategi yang boleh diketengahkan untuk menggalakkan lebih ramai penyertaan bukan Bumiputera dalam sektor awam dan seterusnya menjadikan sektor awam pilihan utama serta lebih kompetitif berbanding sektor swasta.

SPA sentiasa menjalankan usaha untuk menarik lebih ramai calon-calon daripada golongan bukan bumiputera memohon jawatan dalam sektor awam. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (1) Menyiarkan iklan dalam akhbar-akhbar The Star (bahasa Inggeris), Sin Chew Daily (bahasa Mandarin), Tamil Nesan (bahasa Tamil), Borneo Post (Sarawak) dan Daily Express (Sabah);
- (2) Menyediakan soalan lazim (FAQ) dalam bahasa Mandarin dan bahasa Tamil dalam portal SPA (www.spa.gov.my);
- (3) Promosi kerjaya di tempat-tempat awam dan strategik (Mid Valley, Kuala Lumpur dan Plaza Angsana, Johor Bahru);
- (4) Mengadakan taklimat kerjaya untuk guru-guru kerjaya di Putrajaya International Convention Centre (PICC) pada 25 Jun 2008 di mana seramai 152 orang guru telah hadir dari sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan di Selangor dan Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur;

- (5) Menyiarkan "*crawlers*" mengenai urusan pengambilan jawatan di media elektronik seperti di televisyen semasa Berita Mandarin dan Berita Tamil serta radio Minnal fm dan Ai fm (RTM);
- (6) Pameran kerjaya di Universiti Tunku Abdul Rahman;
- (7) Mengeluarkan risalah kepada Ketua Masyarakat; dan
- (8) Mengadakan Hari Bersama Pelanggan di SMJK Chung Hwa, Gombak dan SMJK Yu Hua Kajang.

Bagi tahun 2009, beberapa aktiviti telah dirancang bagi menggalakkan penyertaan bukan Bumiputera menyertai perkhidmatan awam. Jadual Hari Bersama Pelanggan di luar Putrajaya akan diadakan di:

- (1) Dewan Masyarakat Keningau, Sabah pada 28.2.2009 (Sabtu);
- (2) Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan Kwang Hua, Klang pada 31.3.2009 (Selasa); dan
- (3) Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR), Kampus Bandar Sungai Long pada 30.6.2009 (Selasa).

Untuk makluman Tuan Yang Dipertua dan Ahli-Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan pengambilan, SPA tidak menggunakan faktor kaum sebagai asas tapisan untuk calon dipanggil temu duga.

Calon-calon yang dipanggil ditemu duga terdiri daripada mereka yang telah melepasi proses penyenggaraan pendek berdasarkan keputusan peperiksaan di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia, Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia, Diploma dan Ijazah. Bagi peringkat diploma dan ijazah, asas tapisan yang digunakan ialah Purata Nilai Gred Keseluruhan (PNGK) dan bidang pengajian yang bersesuaian dengan jawatan dan

keperluan Kementerian atau Jabatan. Penyenaraian pendek ini dilaksanakan bagi mendapatkan bilangan calon yang sesuai untuk dipanggil temu duga berdasarkan kekosongan sesuatu jawatan yang dilaporkan oleh Kementerian dan Jabatan kepada SPA.

Pemilihan seseorang calon adalah berdasarkan prestasi yang cemerlang dalam sesi temu duga dan hanya calon yang terbaik sahaja akan ditawarkan sesuatu jawatan. Oleh itu, pemilihan seseorang calon ke dalam perkhidmatan awam adalah mengikut merit dan bukannya berdasarkan kepada kuota sesuatu kaum tertentu.

(b) Maklumat dari JPA:

Pada 31 Disember 2008, jumlah kakitangan Kerajaan dari kalangan bukan Bumiputera adalah 14.1% (154,002 orang).

Sumber:

Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) pada 31 Disember 2008 meliputi pengisian jawatan tetap dalam Perkhidmatan Awam di peringkat Persekutuan, Perkhidmatan Awam Negeri, Badan Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, Polis DiRaja Malaysia dan Angkatan Tentera Malaysia. Maklumat yang diperolehi daripada Sistem HRMIS masih dikemas kini oleh agensi.

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : TUAN HAJI CHE UDA BIN CHE NIK
(SIK)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 25.02.2009

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik (Sik) minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah status pembelian Bank International Indonesia (BII). Berapakah nilai aset bank itu sekarang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Maybank telah selesai mengambil alih Bank International Indonesia (BII). Kini, Maybank mempunyai 97.5% kepentingan ekuiti dalam BII. Aset BII pada 31 Disember 2008 berjumlah Rupiah 56.9 trilion bersamaan RM17.2 bilion (31 Disember 2007: Rupiah 55.0 trilion bersamaan RM16.7 bilion)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI ANWAR IBRAHIM

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN:

Dato' Seri Anwar bin Ibrahim [Permatang Pauh] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan butiran projek Government Integrated Radio Network (GIRN); berapa kos pembiayaannya dan adakah projek tersebut diluluskan kepada pembina yang berjaya melalui tender terbuka serta apakah kriteria pemilihannya.

JAWAPAN: Y.B. DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang Dipertua,

Kos pembiayaan adalah sebanyak RM1.8 Bilion (1,833,547,788.00) menggunakan kaedah *Private Funding Initiative (PFI)* dari Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dengan tempoh bayaran balik selama 20 tahun.

Perolehan dibuat secara Rundingan Terus yang diuruskan oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE) berdasarkan kertas cadangan dari pihak Sapura Research Sdn. Bhd. (SRSB) dan perbincangan dengan agensi-agensi pengguna yang terdiri daripada :

1. Polis Diraja Malaysia
2. Angkatan Tentera Malaysia
3. Kastam Diraja Malaysia
4. Jabatan Pengangkutan Jalan
5. Bomba Dan Penyelamat
6. Jabatan Imigresen
7. Bahagian Hal Ehwal Pengguna Kementerian Perdagangan Dalam Negeri.

Kontrak telah ditandatangani pada 4 Januari 2007 setelah mendapat kelulusan Kerajaan dengan status Projek Strategik yang diluluskan.

Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah diarahkan oleh EPU pada 22 Disember 2006 untuk menyelaraskan pelaksanaan projek tersebut sepanjang tempoh konsesi selama 20 tahun.

Penggunaan *GIRN* selain daripada tujuh (7) agensi di atas juga akan dikembangkan kepada agensi-agensi penguatkuasa dan keselamatan kerajaan yang lain mengikut keperluan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SALAHUDDIN BIN HAJI AYUB
(KUBANG KERIAN)**

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009 (Rabu)

SOALAN :

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah nama serta syarikat yang menerima pemberian projek kepada 583 kontraktor kelas F melalui majlis pengundian Projek Kecil Projek Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) Daerah Kuala Terengganu Tahun 2009 di Wisma Darul Iman pada 10 Januari lalu yang turut dihadiri Timbalan Perdana Menteri.

JAWAPAN : YB. DATO' MOHD. JOHARI BIN BAHARUM

Tuan Yang DiPertua,

Seramai 608 kontraktor kelas F telah dijemput hadir ke majlis pengundian Projek Penyelenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) dan Projek Infrastruktur Asas (PIAS) Daerah Kuala Terengganu Tahun 2009 di Wisma Darul Iman pada 10 Januari lalu. Walau bagaimanapun, hanya 511 kontraktor yang hadir ke majlis berkenaan

dan kesemua kontraktor tersebut telah ditawarkan projek. Sebanyak 139 kontraktor telah ditawarkan projek di bawah PIA dan 372 kontraktor telah ditawarkan projek di bawah PIAS. Pemilihan projek kepada kontraktor-kontraktor berkenaan telah dibuat secara undian elektronik.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH Y.B. DATO' LIOW TIONG LAI
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
[KUANTAN]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
SOALAN :**

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh [Kuantan] minta MENTERI
KESIHATAN menyatakan :-**

- (a) kadar peratusan bilangan penduduk Malaysia yang mengidap Diabetis Mellitus (Kencing Manis); dan
- (b) apakah langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk menangani penyakit ini serta berapakah peruntukan kewangan yang telah digunakan pada tahun 2005, 2006, 2007 dan 2008.

Tuan Yang di-Pertua,

Berdasarkan Survei Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan yang Ketiga pada tahun 2006, prevalens diabetes di Malaysia adalah

sebanyak 11.5 peratus atau kira-kira 1.5 juta penduduk Malaysia yang berumur 18 tahun dan ke atas mengidap diabetes.

Untuk menangani masalah ini, Kementerian Kesihatan sedang dalam proses menyiapkan Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Tidak Berjangkit, dengan menggunakan penyakit diabetes sebagai *entrypoint*. Pelan Strategik Kebangsaan ini adalah selaras dengan resolusi-resolusi Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO). Pelan Strategik Kebangsaan ini adalah penting untuk mengukuh dan mengkoordinasikan pelbagai program yang sedia ada disamping melibatkan semua Kementerian, agensi dan sektor swasta dalam usaha untuk menangani wabak diabetes yang sedang melanda negara.

Lain-lain langkah yang terus dilaksanakan termasuklah:

- a. Meneruskan Kempen Cara Hidup Sihat untuk mencegah diabetes dan lain-lain penyakit kronik tidak berjangkit (NCD). Tumpuan diberikan kepada lima elemen asas yang berkaitan dengan konsep cara hidup yang sihat, iaitu makan secara sihat, senaman dan kecergasan fizikal, tidak merokok, menangani stres dengan bijak dan sihat tanpa alkohol. Kementerian Kesihatan juga telah menghasilkan pelbagai bahan pendidikan kesihatan yang mengandungi maklumat bagaimana untuk mencegah dan mengawal diabetes.

- b. Membentuk persekitaran yang lebih sihat untuk mencegah dan mengawal diabetes dan lain-lain penyakit NCD melalui Dasar Pemakanan Negara 2005 dan melaksanakan keperluan yang telah ditetapkan di bawah *WHO Framework Convention for Tobacco Control (FCTC)*
- c. Memperluaskan perkhidmatan pengesanan awal dan intervensi faktor-faktor risiko penyakit NCD di klinik-klinik kesihatan. Saringan turut dilakukan melalui kem-kem kesihatan. Kementerian Kesihatan juga terus mengukuhkan perkhidmatan klinikal rawatan diabetes di klinik-klinik kesihatan dengan menjalankan latihan pos-basik dan pendidikan kesihatan yang berterusan dalam bidang diabetes bagi semua kakitangan yang berkaitan. *Clinical Practice Guideline* untuk Diabetes dan Garispanduan Pengendalian Diabetes juga telah dihasilkan. Rawatan oleh Pakar Perubatan Keluarga turut disediakan di peringkat klinik kesihatan.

Kementerian Kesihatan tidak mempunyai data perbelanjaan peruntukan mengikut penyakit.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN
[SEPANGGAR]

TARIKH : 25 FEB 2009

SOALAN :

DATUK ERIC ENCHIN MAJIMBUN [SEPANGGAR] MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN BILANGAN PROJEK JALAN RAYA DAN BANGUNAN SEKOLAH YANG DILAKSANAKAN MELALUI PROJEK 'PROJECT DESIGN AND BUILD' SERTA BILANGAN PROJEK SEUMPAMA INI YANG TERGENDALA DI SABAH.

JAWAPAN :

TUAN YANG DIPERTUA,

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERHORMAT, DALAM RMK-9 TERDAPAT 15 PROJEK PEMBANGUNAN JALANRAYA YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN UNTUK DILAKSANAKAN SECARA *DESIGN & BUILD*. DARIPADA JUMLAH TERSEBUT, SEBANYAK 8 PROJEK TELAHPUN DISIAPKAN DALAM RMK-9, 5 PROJEK DALAM PERINGKAT PEMBINAAN DAN BAKI 2 PROJEK LAGI DALAM PROSES PENGELUARAN SURAT SETUJU TERIMA.

SENARAI 8 PROJEK YANG DISIAPKAN DALAM RMK-9 SECARA DESIGN & BUILD ADALAH:

- i) PEMBAIKAN CERUN DI LALUAN 500, JALAN PENAMPANG – TAMBUNAN – KENINGAU – TENOM FASA 1**
- ii) NAIKTARAF JALAN PARAPAT – LIMAU –LIMAUAN, KUDAT**

- iii) **NAIKTARAF JALAN KENINGAU – KIMANIS**
- iv) **NAIKTARAF JALAN RANAU – TAMBUNAN, FASA 1**
- v) **PEMBAIKAN CERUN JALAN JALAN SUSUR SEPANGAR BAY DI KM8.5, KOTA KINABALU**
- vi) **MEMBINA JALAN DARI SEPULUT KE KALABAKAN**
- vii) **PEMBINAAN JALAN LINTAS KOTA BELUD**
- viii) **MEMBINA JALAN DARI SIPITANG KE TENOM**

SENARAI 5 PROJEK YANG KINI DALAM PERINGKAT PEMBINAAN PULA ADALAH:

- i) **PEMBAIKAN CERUN DI LALUAN 500, JALAN PENAMPANG – TAMBUNAN – KENINGAU – TENOM FASA 2**
- ii) **NAIKTARAF JALAN RANAU – TAMBUNAN, FASA 2**
- iii) **PEMBAIKAN CERUN JALAN KOTA BELUD – KUDAT**
- iv) **TRAFFIC IMPROVEMENT AND MANAGEMENT ALONG JALAN KEPAYAN, KOTA KINABALU**
- v) **PEMBAIKAN CERUN-CERUN DI JALAN TAMPARULI - RANAU**

SENARAI 2 PROJEK YANG DILAKSANAKAN SECARA BERFASA DAN KINI DALAM PROSES PENGELUARAN SURAT SETUJU TERIMA BAGI FASA BERIKUTNYA ADALAH:

- i) MENGGANTIKAN JAMBATAN-JAMBATAN LAMA DI KAWASAN PEDALAMAN SABAH (PAKEJ 6 DAN PAKEJ 8)**
- ii) PEMBAIKAN CERUN DI JALAN SANDAKAN – TELUPID (PAKEJ 2D)**

UNTUK MAKLUMAN AHLI YANG BERTHORMAT, TIADA PROJEK BANGUNAN SEKOLAH DI NEGERI SABAH YANG DISERAHKAN KEPADA JKR UNTUK DILAKSANAKAN SECARA “*DESIGN AND BUILD*”. INI ADALAH KERANA, SEMUA PROJEK BANGUNAN SEKOLAH DISERAHKAN KEPADA JKR UNTUK DILAKSANAKAN SECARA KONVENSIONAL. MANAKALA, PROJEK BANGUNAN SEKOLAH YANG DILAKSANAKAN SECARA “*DESIGN AND BUILD*” DILAKSANAKAN SENDIRI OLEH KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD
GHAZALI
KAWASAN : TITIWANGSA
TARIKH : 25.02.2009 (RABU)

Y.B. DR. LO' LO' BINTI MOHAMAD GHAZALI (TITIWANGSA) minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
menyatakan status rundingan FTA-Malaysia dan Amerika pada
masa ini dan berapakah kos yang telah dikeluarkan bagi
membiayai program rundingan yang telah berlarutan sekian lama
ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Soalan mengenai status rundingan FTA Malaysia-Amerika Syarikat (MUSFTA) telah dijawab pada 19 Februari 2009. Seperti yang telah diterangkan, lapan pusingan rundingan MUSFTA telah diadakan sehingga kini. Pusingan rundingan yang terakhir, iaitu pusingan

yang ke lapan telah diadakan pada 14 hingga 18 Julai 2008. Rundingan di peringkat teknikal dijalankan secara berterusan melalui e-mel, *tele-conferencing* dan *video conference* dengan izin.

Rundingan pusingan ke sembilan Perjanjian Perdagangan Bebas Malaysia dan Amerika Syarikat akan diadakan hanya jika ada kemajuan dalam rundingan di peringkat teknikal bagi mengurangkan perbezaan pendirian dan mendapatkan kepastian mengenai dasar perdagangan Amerika Syarikat di bawah pentadbiran yang baru.

Tuan Yang Di Pertua,

Sejak rundingan dumulakan pada tahun 2006 dan setelah lapan pusingan rundingan diadakan di Malaysia dan di Amerika Syarikat secara bergilir, adalah dianggarkan sejumlah RM11.2 juta telah digunakan bagi membiayai rundingan-rundingan tersebut. Bagi empat pusingan rundingan yang diadakan di Malaysia, anggaran kos adalah sebanyak RM800,000 manakala anggaran kos bagi pusingan rundingan di Amerika Syarikat adalah sebanyak RM10.4 juta.

Anggaran kos pembiayaan rundingan-rundingan ini meliputi penyertaan semua Kementerian dan Agensi yang terlibat dalam

rundingan bagi 19 Kumpulan Kerja di bawah rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas ini. Secara purata, lima orang perunding dari Malaysia terlibat dalam setiap Kumpulan Kerja bagi setiap sesi pusingan rundingan yang dijalankan. Ini termasuk ketua perunding dan pakar-pakar dalam bidang-bidang khusus seperti hak harta intelek, perkhidmatan, pelaburan, buruh, alam sekitar dan lain-lain isu bagi membantu proses rundingan. Ini juga adalah bagi memastikan kepentingan Malaysia sentiasa diambil-kira bagi setiap bidang yang dirundingkan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pembiayaan utama bagi pusingan rundingan yang diadakan di Malaysia merangkumi urisan logistik seperti penyediaan dan penyewaan bilik-bilik mesyuarat, penyewaan peralatan percetakan dan komunikasi yang berkaitan, serta kos perjalanan dan penginapan delegasi Malaysia. Rundingan yang diadakan di Amerika Syarikat pula melibatkan kos tiket kapal terbang, penginapan dan pengangkutan di Amerika Syarikat bagi delegasi Malaysia. Namun, kos rundingan yang berkaitan dengan urusan logistik ini telah dapat dikurangkan dengan mengadakan sesi perbincangan dua hala melalui e-mel, *tele-conferencing* dan *video cinference* dengan izin.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK CHUA SOON BUI [TAWAU]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

RUJUKAN : 1510

SOALAN :

Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

(a) apakah faktor-faktor yang menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah pada tahun 2008 di Sabah sebanyak 15% berbanding tahun 2007; dan

(b) apakah langkah-langkah pencegahan untuk mengawal peningkatan kadar jenayah rogol setinggi 17% terutama sekali di kalangan gadis-gadis tidak cukup umur.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Tawau yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, di antara faktor yang dikenal pasti menyumbang kepada peningkatan kadar jenayah di negeri Sabah pada tahun 2008 berbanding tahun 2007 antaranya ialah penglibatan warganegara asing. Jumlah penglibatan warganegara asing dalam Jenayah Indeks di Sabah pada tahun 2008 ialah sebanyak 2,497 kes. Jumlah ini adalah jauh lebih tinggi jika dibandingkan dengan tahun 2007 di mana hanya 1,874 kes Jenayah Indeks melibatkan warganegara asing dilaporkan pada tahun tersebut. Selain itu, faktor seperti penghijrahan ke bandar oleh penduduk luar bandar untuk mencari pekerjaan turut menjadikan kawasan-kawasan tertentu yang mempunyai aktiviti ekonomi yang pesat telah menimbulkan pelbagai masalah sosial dan juga jenayah di kawasan tersebut. Bandar-bandar seperti Kota Kinabalu, kawasan Penampang, Tawau dan Sandakan menyumbang peratusan yang besar dalam indeks jenayah pada tahun 2007 dan 2008. Contohnya, Jenayah Indeks bagi Kota Kinabalu pada tahun 2008 menyumbang sebanyak 39.83% daripada jumlah keseluruhan jenayah di Sabah. Faktor kemelesetan ekonomi global di sebabkan oleh peningkatan harga bahan api petrol, diesel

dan gas dalam tahun 2008 telah menyebabkan harga komoditi dan kos sara hidup melambung naik. Ini menyebabkan kehidupan terutama sekali di kawasan bandar menjadi lebih menekan dan mendorong orang untuk melakukan jenayah. Selain itu, kenaikan harga besi dan buah sawit pada awal tahun 2008 berbanding tahun 2007 turut memainkan peranan dalam menyumbang kepada peningkatan jenayah di Sabah. Faktor ini secara tidak langsung mendorong kepada peningkatan aktiviti mencuri besi buruk dan buah sawit di ladang-ladang.

Tuan Yang Dipertua,

Walau bagaimana pun, mulai 1 Januari 2009 hingga 11 Februari 2009, Polis Kontinjen Sabah telah berjaya menurunkan kes jenayah sebanyak 20.61% berbanding tempoh yang sama tahun 2008.

Tuan Yang Dipertua,

Pada tahun 2008, jumlah kes rogol yang dilaporkan di seluruh negara ialah sebanyak 217 kes berbanding 204 kes pada tahun 2007. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 13 kes atau 6.37% berbanding tahun sebelumnya. Antara punca mangsa dirogol ialah suspek berada di dalam keadaan mabuk, mangsa berada dalam keadaan mabuk, mangsa dan suspek suka sama suka, mangsa percaya kepada suspek, mangsa diugut oleh suspek dan mangsa berada bersendirian di tempat sunyi.

Tuan Yang Dipertua,

Di antara langkah-langkah yang boleh diambil bagi mencegah kes jenayah rogol terutama sekali melibatkan gadis bawah umur antaranya ialah ibu bapa hendaklah bekerjasama dalam memainkan peranan untuk memantau pergerakan atau kegiatan anak-anak mereka tanpa mengira sama ada lelaki atau pun perempuan. Selain itu, pihak sekolah hendaklah menganjurkan kelas bimbingan akhlak terutama sekali kepada golongan pelajar yang bermasalah dan mempunyai perwatakan yang sukar dikawal. Bagi murid-murid yang dikenalpasti mempunyai masalah disiplin, adalah dicadangkan supaya mereka ini dihantar untuk mengikuti kursus jati diri yang dianjurkan oleh pihak Kerajaan atau swasta. Seminar-seminar mengenai kesedaran berhubung penjagaan diri dan aktiviti seksual juga hendaklah diadakan oleh agensi-agensi Kerajaan yang bertanggungjawab dan badan-badan bukan kerajaan.

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN
(PASIR PUTEH)
TARIKH : 25.02.2009

SOALAN:

Y.B. TUAN MUHAMMAD BIN HUSAIN [PASIR PUTEH] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan program pencegahan dadah yang dijalankan di peringkat sekolah menengah.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) terus berusaha untuk memberi pengetahuan, kesedaran dan keinsafan kepada murid-murid agar menjauhi dan menentang ancaman dadah. Justeru, KPM telah dan akan melaksanakan pelbagai inisiatif melalui Program Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa). Antara program tersebut adalah seperti berikut:-

- i. Sahabat Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)
- ii. Program Gerak Sedar Bersepadu (PROGRES)
- iii. Nafas Segar
- iv. Kolokium Kepimpinan
- v. Jambori Skim Lencana Anti Dadah
- vi. Tunas Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)
- vii. Karnival Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa)
- viii. Seminar Pendidikan Pencegahan Dadah (PPDa) Tingkatan 6 Rendah

Usaha-usaha ini diharap dapat merealisasikan matlamat Sekolah Bebas Dadah pada tahun 2012.

Rjm 38

PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN HAJI NASHARUDIN BIN
MAT ISA
(BACHOK)**

**TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
(RABU)**

SOALAN:

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan berapa ramaikah warga tentera yang masih berkhidmat yang menjadi mangsa Skim Cepat Kaya Stromberg dan apakah langkah-langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini daripada berulang.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Merujuk kepada soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat daripada Bachok, setakat ini tidak ada anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang terlibat dengan Skim Cepat Kaya Stromberg. Pihak ATM memandang serius dan sentiasa memantau perkara ini. Di samping itu, pihak ATM akan mengambil langkah-langkah berikut bagi mengatasinya.

- a. Mengeluarkan satu notis khusus kepada setiap individu yang terlibat untuk mereka menghentikan perbuatan ini dengan serta-merta.**
- b. Mengeluarkan satu direktif larangan penglibatan anggota-anggota ATM dalam skim cepat kaya bersesuaian dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 2009 yang baru dikeluarkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam.**
- c. Mengadakan kerjasama berterusan antara Unit Penyiasatan Khas Bank Negara Malaysia dengan Cawangan Provos Marsyal ATM dan menjalinkan usahasama perkongsian maklumat dalam usaha berterusan membentaras penglibatan anggota ATM dalam Skim Cepat Kaya.**

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib
[Baling]**

TARIKH : 25 Februari 2009

SOALAN : Tuan Haji Taib Azamudden bin Md Taib [Baling] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rasionalnya tindakan yang dibuat oleh Kerajaan Pusat melarang ketua-ketua jabatan agensi persekutuan untuk hadir ke mesyuarat dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri di bawah pentadbiran Pakatan Rakyat.

Jawapan:

Tuan Yang di Pertua,

Tidak pernah arahan secara bertulis dibuat kepada ketua jabatan dan agensi-agensi Kerajaan Persekutuan di Perak dilarang menghadiri mesyuarat dan program-program anjuran kerajaan negeri. Arahan lisan dibuat hanya untuk memastikan semua program dan perancangan kerajaan Persekutuan untuk kepentingan rakyat negeri Perak dapat dijalankan mengikut perancangan.

Sehingga kini arahan tidak menghadiri mana-mana mesyuarat anjuran Kerajaan Negeri Pakatan Pembangkang hanya diguna pakai untuk negeri Perak sahaja manakala bagi negeri-negeri pakatan pembangkang yang lain terpulanglah kepada ketua-ketua jabatan. Persekutuan untuk mematuhi.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU**
(TELUK INTAN)
TARIKH : **25.02.2009 (RABU)**
NO. SOALAN : **570**

TUAN MANOGARAN A/L MARIMUTHU minta **MENTERI PERDAGANGAN**
DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan:

- (a) beribu-ribu rakyat India Malaysia telah melabur di Maika Holding Bhd. pada tahun 1982. Syarikat ini telah ditubuhkan untuk membantu dan meningkatkan taraf hidup golongan pendapatan rendah masyarakat India. Apakah status syarikat ini sekarang; dan
- (b) banyak laporan polis telah dibuat mengenai penyalahgunaan kuasa oleh Lembaga Maika Holdings Bhd. termasuk Dato' Seri S. Samy Vellu. Apakah penyiasatan dan tindakan kerajaan terhadap mereka.

Tuan Yang Dipertua,

Maika Holdings Berhad (Maika) adalah sebuah syarikat yang masih aktif telah diperbadankan pada 13.9.1982 dengan modal dibenar sebanyak RM500,000,000.00 satu modal berbayar sebanyak RM 125,000,010.00.

Sepanjang tahun 2006 dan 2007, SSM telah menerima beberapa aduan berhubung Maika di mana semua aduan tersebut telah disiasat sepenuhnya dan didapati tidak berasas. Walaubagaimanapun didapati Maika dibawah Seksyen 169(1) Akta Syarikat 1965 yang gagal membentangkan Penyata Kewangan berakhir 2005. Syarikat telah dikenakan kompaun RM500 untuk syarikat dan RM12,000 untuk pengarah syarikat berdaftar, telah dibayar pada 12 Januari 2006.

SSM telah meluluskan permohonan Maika untuk lanjutan tempoh masa bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan 2008 dan membentangkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 2007 untuk tempoh sehingga 29.11.2008. Walau bagaimanapun, SSM telah menerima permohonan baru Maika pada 13.2.2009 untuk melanjutkan lagi tempoh masa bagi mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan 2008 dan membentangkan penyata kewangan bagi tahun kewangan berakhir 2007 atas alasan perbicaraan masih berjalan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan dokumen-dokumen berkanun syarikat masih dalam simpanan polis untuk siasatan. SSM masih dalam proses mempertimbangkan permohonan tersebut

SOALAN : 71

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AMRAN BIN AB. GHANI
[TANAH MERAH]

TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

SOALAN :

MINTA MENTERI KERJA RAYA MENYATAKAN APAKAH PROJEK-PROJEK YANG TELAH DILULUSKAN TAPI TERTANGGUH ATAU DITARIK BALIK PERLAKSANAANNYA DI PARLIMEN TANAH MERAH BARU TAHUN 2004-2008 SERTA ALASANNYA.

JAWAPAN :

UNTUK MAKLUMAN YANG BERHORMAT,

DI DALAM REKOD KEMENTERIAN KERJA RAYA, TERDAPAT SATU (1) PROJEK DI KAWASAN PARLIMEN TANAH MERAH IAITU PROJEK PEMBINAAN JALAN TANAH MERAH BY PASS.

CADANGAN SKOP PROJEK JALAN PINTAS TANAH MERAH INI IALAH MEMBINA JALAN BARU SEPANJANG 6KM DARI JALAN GUAL IPOH KE KG. MANAL, TANAH MERAH DENGAN ANGGARAN KOS RM100 JUTA. CADANGAN PROJEK INI DIJANGKA DAPAT MENGURANGKAN KESESAKAN YANG BERLAKU DI PEKAN TANAH MERAH TERUTAMANYA PADA WAKTU PUNCAK. ANTARA FAKTOR YANG MENYUMBANG KEPADA KESESAKAN DI LALUAN SEDIA ADA DI PEKAN TANAH MERAH INI IALAH TERDAPAT LALUAN KERETAPI (BERPAGAR) YANG MELINTASI JALAN DI PEKAN TERSEBUT. KERETAPI

MELINTASI LALUAN TERSEBUT SEBANYAK 8 KALI SEHARI.

PROJEK INI PADA MULANYA TELAH DILULUSKAN DALAM RMKE-9 DENGAN PERUNTUKAN SILING SEBANYAK RM 1 JUTA BAGI TUJUAN KERJA-KERJA UKUR TANAH, PERUNDING DAN PENYIASATAN TANAH. WALAUBAGAIMANAPUN, PROJEK INI DITANGGUHKAN PELAKSANAANNYA SEMASA KAJIAN SEPARUH PENGGAL RMKE-9 SETELAH PENYUSUNAN SEMULA KEUTAMAAN PROJEK DILAKSANAKAN OLEH KEMENTERIAN SEPERTI YANG DIARAHKAN OLEH UNIT PERANCANG EKONOMI, JABATAN PERDANA MENTERI.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN SAIFUDDIN NASUTION BIN
ISMAIL**

[MACHANG]

TARIKH JAWAPAN : 25 FEBRUARI 2009 (RABU)

DI DEWAN RAKYAT

SOALAN : NO. 72

SOALAN

Tuan Saifuddin Nasution Bin Ismail minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah strategi Kerajaan dalam membantu Tenaga Nasional Berhad (TNB) menguruskan *standby capacity* yang ternyata menghakis pendapatan TNB yang terpaksa membayar kepada IPP, apakah Kerajaan mempunyai cadangan untuk berunding dengan mana-mana negara jiran untuk meletakkan lebih tenaga ini di negara tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebagai usaha untuk melindungi kepentingan rakyat di samping memperbaiki kedudukan kewangan TNB, Kerajaan berhasrat untuk memulakan rundingan semula PPA dalam masa yang terdekat. Antara strategi yang akan dipertimbangkan dalam rundingan semula PPA adalah perkongsian risiko oleh pihak-pihak lain termasuk IPP dalam memastikan *sustainability* pihak TNB sebagai *single offtaker* dengan izin di samping pembangunan industri elektrik yang mapan. Dalam masa yang sama, pihak TNB juga perlu mengambil maklum akan sumbangan IPP dalam meningkatkan kecekapan pembekalan elektrik sedia ada.

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Negara-negara jiran seperti Thailand dan Singapura mempunyai kapasiti yang mencukupi untuk keperluan domestik negara mereka. Walau bagaimanapun, terdapat perjanjian pembelian tenaga yang telah ditandatangani di antara TNB dengan pihak utiliti Thailand iaitu *Electricity Generating Authority of Thailand (EGAT)* yang membolehkan pihak EGAT membeli tenaga elektrik daripada TNB berasaskan *non-firm basis* dengan izin, iaitu EGAT akan membeli tenaga elektrik daripada TNB hanya sekiranya keadaan memerlukan

dan TNB mempunyai lebihan untuk menjual kepadanya. Dengan negara Singapura, pihak TNB telah menandatangani perjanjian sambung tara dengan pihak Singapore Power bagi tujuan *system operational support and balancing* dengan izin dua-dua pihak berkenaan dan bukan untuk penjualan tenaga elektrik.

Selain daripada itu, Kerajaan juga sedang mengkaji cadangan bagi pembinaan talian sambung tara dari Semenanjung ke Sumatera bagi membolehkan lebihan kapasiti bekalan elektrik dieksport ke Sumatera. Usaha ini adalah selaras dengan perjanjian persefahaman (MoU) bagi pelaksanaan program ASEAN Power Grid (APG), iaitu kerjasama di antara negara ASEAN bagi membolehkan aktiviti eksport – import bekalan elektrik serta membantu menjamin keselamatan pembekalan elektrik di kalangan negara ahli yang telah ditandatangani pada November 2007.

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN AZAN BIN ISMAIL
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009

TUAN AZAN BIN ISMAIL [INDERA MAHKOTA] minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan pencapaian program Usahawan Bangunkan Usahawan (MARA) dan melalui Usahawan Cemerlang (TEKUN).

JAWAPAN:

Tuan Yang Dipertua,

Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9), antara sasaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MECD) adalah melahirkan seramai **150,000 usahawan baru** dalam pelbagai bidang dan industri selaras dengan visi Kementerian iaitu mewujudkan Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB). Bagi merealisasikan sasaran tersebut, MECD sedang melaksanakan pelbagai jenis program antaranya **program Usahawan Bangunkan Usahawan** yang juga dikenali sebagai **Program Peruncitan Bumiputera** di bawah **Majlis Amanah Rakyat (MARA)** dan **Program Usahawan Cemerlang** di bawah **TEKUN Nasional**.

Program Peruncitan Bumiputera di bawah MARA ini mula dilaksanakan pada tahun 2006 yang mana ia menekankan konsep "Mentor-Mentee" meliputi **10 klaster yang terdiri daripada 63 jenis perniagaan seperti perkakasan binaan/IBS, hiasan dalaman & perabot, automotif dan sikal, pakaian/aksesori/kraftangan, makanan dan minuman, kecantikan, kesihatan, ICT dan telekomunikasi, peralatan elektrik dan elektronik serta pelbagai runcit. Sehingga tahun 2008, Program Peruncitan Bumiputera ini telah berjaya mewujudkan seramai 177 mentor dan 7,809 mentee daripada sasaran RMKe-9 iaitu sebanyak 379 mentor dan 14,965 mentee. Berdasarkan jumlah tersebut, seramai 3,594 daripada 7,809 mentee yang telah dilatih berjaya menjalankan perniagaan dalam 10 klaster yang telah ditetapkan di bawah program ini.**

Tuan Yang Dipertua,

Program Usahawan Cemerlang yang diwujudkan oleh TEKUN Nasional pula merupakan satu usaha MECD dalam memberi pengiktirafan kepada usahawan-usahawan yang menunjukkan prestasi cemerlang dalam perniagaan dari segi rekod pembayaran balik pembiayaan, daya tahan dan pengalaman, peningkatan pasaran, jualan, keuntungan, bilangan pekerja dan cawangan serta kepelbagaian produk. Untuk makluman Ahli-Ahli Yang Berhormat, Program Usahawan Cemerlang yang mengiktiraf tiga (3) usahawan paling cemerlang pada setiap tahun ini merupakan salah satu mekanisme bagi mengukur kejayaan program Rakan Niaga TEKUN yang sedang dilaksanakan pada masa kini dalam usaha memberi peluang-peluang perniagaan baru kepada usahawan.

Sehingga 31 Januari 2009, melalui Program rakan Niaga TEKUN ini, TEKUN Nasional telah mengeluarkan pembiayaan berjumlah RM33,914,000 kepada 1,680 usahawan baru yang berjaya diwujudkan di bawah program ini.


Di samping itu, sebanyak 67 syarikat yang merupakan ancor ataupun mentor bagi program ini juga secara tidak langsung dapat diperkukuh dan dimantapkan bagi mencapai sasaran MECD dalam RMKe-9 sekaligus merealisasikan wawasan MECD iaitu ke arah pembentukan MPPB.

Disediakan oleh : PP (RN) 9
Mohd Farris Bin Radzuan
012-650 8200

Disemak Oleh : PENGARAH (RN)
Hj. Zakaria Bin Jaafar
016-383 6495

Dipersetujui Oleh : TKSU (U)

Diluluskan Oleh : KSU



Handwritten signature and date: 17/2

SOALAN NO: 74

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN MANIKAVASAGAM A/L SUNDRAM
[KAPAR]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1514

SOALAN :

Tuan Manikavasagam A/L Sundram [Kapar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah laporan polis yang telah dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen dan wakil-wakil rakyat pembangkang terhadap Ahli-ahli Menteri Kabinet, Peguam Negara, Ketua Polis Negara, Ketua Hakim Negara serta pegawai-pegawai kanan polis sejak 10 tahun lepas. Nyatakan berapa kes telah diambil tindakan, atau yang masih dalam penyiasatan serta tidak ada sebarang tindakan.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kapar yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, pada setiap tahun, pihak polis menerima lebih daripada 1 juta report di seluruh negara. Walaupun pihak polis mempunyai sistem laporan berkomputer, sistem tersebut masih lagi baru dan sedang dilaksanakan secara berperingkat semenjak bulan Mac tahun 2002 yang lalu. Sistem tersebut masih lagi belum dilaksanakan secara menyeluruh di seluruh negara, di mana laporan polis di Sabah dan Sarawak masih lagi dibuat melalui buku report. Oleh yang demikian, adalah sukar untuk mendapatkan statistik yang benar-benar tepat mengenai penjenisan maklumat bagi tempoh 10 tahun terutama sekali bagi laporan-laporan yang dibuat sebelum tahun 2002. Ini kerana, laporan-laporan tersebut perlu disemak secara manual.

Tuan Yang Dipertua,

Secara umumnya, semua laporan yang diterima di balai-balai polis terdiri daripada 3 bentuk iaitu Pengadu menulis sendiri laporan dalam borang Pol 5 yang kemudian ditampal dalam buku report dan diberikan nombor siri yang kemudiannya dikenali sebagai nombor

repot; atau Pengadu datang ke balai dan menceritakan maklumat yang hendak dikemukakan dan kemudian ditulis oleh anggota bertugas di balai dan dijadikan repot. Kaedah ini masih digunakan di Sabah dan Sarawak kerana belum wujud sistem laporan berkomputer; atau laporan Pengadu diterima terus ke dalam sistem online iaitu *Police Reporting System (PRS)*.

Tuan Yang Dipertua,

Di dalam ketiga-tiga kaedah ini, status pengadu tidak dijelaskan iaitu sama ada beliau ahli parlimen atau wakil rakyat pembangkang. Oleh itu, walaupun rujukan dibuat kepada setiap laporan, statistik sebenar jumlah laporan yang dibuat oleh ahli Parlimen dan wakil rakyat pembangkang tidak mungkin dapat diperolehi. Sekiranya diperolehi sekalipun, statistik tersebut tidak akan tepat. Walaupun begitu, Kementerian ingin menegaskan bahawa semua laporan yang mempunyai unsur-unsur jenayah akan disiasat oleh pihak polis tanpa mengira sama ada laporan tersebut dibuat oleh ahli Parlimen mahu pun wakil rakyat pembangkang atau pun tidak.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : TUAN CHUA TIAN CHANG [BATU]
TARIKH : 25 FEBRUARI 2009
RUJUKAN : 1507

SOALAN :

Tuan Chua Tian Chang [Batu] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan:-

- (a) apakah tindakan polis seterusnya terhadap P. Balasubramaniam setelah merakam keterangan beliau pada 7 Julai 2008; dan
- (b) sama ada pihak polis mengetahui kedudukan beliau sehingga kini atau membawa beliau balik ke Malaysia.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Batu yang mengemukakan pertanyaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan Yang Mulia ini, siasatan pihak polis ke atas kes ini telah selesai dan hasil siasatan tersebut telah dirujuk ke Jabatan Peguam Negara untuk arahan selanjutnya. Walaubagaimanapun, setakat ini pihak polis tidak mempunyai sebarang maklumat berhubung lokasi sebenar P. Balasubramaniam berada.